**Skuad baru FAP** MS 3



**HOHO pilih P.Pinang** MS 5



**MPPP cemerlang** MS 24




PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




www.buletinmutiara.com

1– 15 DISEMBER 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Elaun tahunan guru agama naik 93 peratus

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM** – Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengagihkan sejumlah RM4,204,872.60 elaun tahunan kepada guru-buru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Tadika Islam (TADIS) yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, jumlah itu menyamai peningkatan hampir 93 peratus berbanding peruntukan tahun 2014 yang berjumlah RM2,172,488.

"Maknanya, Zakat Pulau Pinang tak pernah lepas pandang," ujarnya pada Majlis Penyerahan Pakaian Seragam Sekolah Sesi 2015 Daripada Sumber Zakat Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Somat turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ustaz Rosli Othman (Pegawai JAIPP) serta Ahli Lembaga ZPP lain.

Difahamkan, seramai 7,458 pelajar terpilih daripada 150 sekolah di sekitar negeri ini menerima bantuan pakaian serta kelengkapan persekolahan bagi sesi tahun 2015 secara berperingkat sekarang, disebabkan jumlah kutipan zakat ZPP kian meningkat saban tahun.

Menurut Mohd. Salleh, kali terakhir ZPP membuat semakan elaun tahunan untuk guru agama di negeri ini adalah pada tahun 2001, sebelum memutuskan kenaikan elaun tahunan ini.

Tidak cukup dengan itu, katanya lagi, ZPP turut membayar caruman tahunan sebanyak RM304,834.20 kepada 1,643 guru agama daripada SMAR, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), TADIS, Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dan Maahad Tahfiz berdaftar.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Salleh turut memberi penjelasan mengenai isu keciciran guru-guru daripada Pusat Asuhan Tunas Islam (TADIS) daripada menerima bonus atau elaun tahunan TADIS berjumlah RM200 seorang, sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2015 Pulau Pinang baru-baru ini.

"(Guru-guru) PASTI ini sepatutnya didaftar di bawah qaryah macam guru-guru al-Quran untuk memudahkan kita salurkan bantuan (elaun TADIS).

"Itu (elaun untuk PASTI) bukan kita tak beri, tetapi, belum beri lagi," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir kepada wartawan.

Dalam pada itu, Ustaz Abdul Aziz Haji Yusoff, 60, *Mudir* Madrasah Al-Irsyadiah dekat Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS) yang ditemui kemudian menganggap insentif MAINPP melalui ZPP menaikkan gaji guru-guru agama sebagai menghargai sumbangan sekolah aliran agama di negeri ini.

"Alhamdulillah, tentulah ini berita gembira untuk kami yang berjuang dalam aliran sekolah agama kerana gaji pokok lama sebagai pengetua dalam RM700 sahaja, tetapi, naik kepada RM1,600," ujar beliau sambil memberitahu bahawa infrastruktur kebanyakan sekolah agama di negeri ini memerlukan penaiktarafan berwajib.

Seorang lagi penerima, Ustaz Abdullah Ishak, 67, *Mudir* Sekolah Menengah Agama 'Ibroh Tanjong Putus, dekat Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Sebelum ini, hanya lima orang sahaja mendapat elaun daripada majlis agama, tetapi sekarang ini 13 orang mendapat elaun.

"Kenaikan ini sangat membantu perjalanan sekolah agama rakyat kerana sebelum ini, pihak pentadbiran sekolah sendiri terpaksa mencari sumber dana tambahan selain gigih mendidik anak-anak di sekolah," katanya.

Haji Hazamuddin Alang Hamzah, 65, *Mudir* Madrasah Al-Aminiah pula memberitahu, pihaknya berharap Kerajaan Negeri melalui MAINPP turut dapat membantu perkembangan Yayasan Ummah yang ditubuhkan untuk menjaga hal kebajikan guru-guru sekolah agama berwajib seperti dana pencen dan gaji bulanan mereka.



**MOHD. Salleh Man (dua dari kiri) berinteraksi dengan pelajar terpilih dalam Majlis Penyerahan Pakaian Seragam Sekolah Sesi 2015 Daripada Sumber Zakat Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.**



**ABDUL Aziz Yusoff.**



**HAZAMUDDIN Alang Hamzah.**

"Alhamdulillah dengan bantuan tambahan berupa (elaun) daripada Kerajaan Negeri dan ZPP hari ini, Alhamdulillah kita berjaya meningkatkan pendapatan guru-guru sekolah agama di Pulau Pinang.

"Kita nak Yayasan Ummah ini boleh berperanan seperti YIK (Yayasan Islam Kelantan) yang menjaga hal kebajikan guru-guru, pencen dan sebagainya dengan sekolah Kerajaan Negeri," ujar Hazamuddin yang juga Setiausaha Agung Yayasan Ummah.

Yayasan Ummah, tambah beliau, kini disertai guru-guru daripada lima sekolah agama, iaitu Madrasah Al-Irsyadiah, Madrasah Al-Aminiah, Sekolah Rendah Ad-Diniah, Sekolah Menengah Al-Diniah dan Madrasah Othmaniah.

# KM seru rakyat tidak lupa pengorbanan perwira negara

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**PADANG KOTA –** Sempena Hari Peringatan *(Remembrance Day)* yang disambut di seluruh dunia pada 11 November setiap tahun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan supaya masyarakat tidak lupa akan pengorbanan perwira-perwira yang berjuang dalam beberapa siri peperangan di negara ini khususnya di Pulau Pinang demi mencapai keamanan dikecapi hari ini.


PARA jemputan yang hadir memberi penghormatan.

Katanya, 'peperangan' kini bukan lagi berbentuk pembunuhan sesama manusia, sebaliknya, 'perang' terhadap kejahilan, ketidakadilan, kemiskinan, extrimis, wabak penyakit, perkauman dan rasuah.

"Justeru, bersama-samalah kita 'berperang' menangani permasalahan dunia moden ini," katanya pada majlis berkenaan yang juga merupakan sambutan ke-100 tahun bermulanya Perang Dunia Pertama (1914-1918) di Tugu Peringatan *(The Cenotaph)*, Esplanade di sini baru-baru ini.

Setiap tahun pada 11 November merupakan hari memperingati wira-wira perang dan mereka yang meninggal dunia dalam peperangan demi menjaga maruah, daulat dan kebebasan bangsa serta negara.

Antaranya, peristiwa Perang Dunia I (1914-1918), Perang Dunia II (1939-1945), Peristiwa Landasan Maut Nong Pladuk Siam –Thanbyuzayat Burma (1942-1945), Darurat Tanah Melayu (1948-1960), Konfrontasi Indonesia (1962-1965) dan Peristiwa Pemberontakan Komunis (1972-1990).

Majlis anjuran Persatuan Veteran Keselamatan (PVA) Pulau Pinang tersebut dihadiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan barisan pimpinan Kerajaan Negeri. Turut serta, pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Laut di-Raja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara di-Raja Malaysia (TUDM).


KALUNGAN-kalungan bunga diletakkan di Tugu Peringatan *(The Cenotaph)*, Esplanade di sini.

Hadir sama, pelbagai rejimen termasuk dari Great Britain, Australia, New Zealand, Singapura, Kepulauan Fiji, Nepal, Kesatuan Rhodesia dan Nyasaland dan Thailand.

Dalam pada itu, Presiden PVA Pulau Pinang, Mejar (B) R. Sivarajan berkata, masyarakat hari ini perlu menolak apa-apa anasir yang cuba merosak dan memecahbelahkan masyarakat.

"Konflik dan peperangan yang pernah berlaku sentiasa dikenang dan diingati, tidak lupa juga pengorbanan perwira-perwira kita dahulu dalam memperjuangkan tanah air untuk kita hari ini," ujar beliau.

## Rumah Terbuka Deepavali wujud suasana harmoni

Gambar : **G. REVATIC**

**BUTTERWORTH –** Sambutan Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diadakan setiap tahun secara tidak langsung mewujudkan suasana serasi dan harmoni dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.



KETIBAAN Dr. Abdul Rahman Abbas (tengah) disambut Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perayaan Deepavali secara simboliknya menandakan permulaan baru dalam semua aspek kehidupan.

"Inilah masanya kita bermaaf-maafan sesama saudara-mara dan rakan taulan tanpa mengira bangsa dan agama. Justeru, saya menyeru semua agar memupuk kesedaran rohani dan cahaya dalaman diri yang merupakan unsur yang akan melenyapkan halangan, kegelapan dan kejahilan.

"Semoga perayaan yang meriah ini akan sentiasa memperingatkan kita dan generasi akan datang bahawa hanya melalui pengorbanan mulia dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja kemenangan serta kemakmuran dapat dicapai semua," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang.

Pada majlis tersebut, Guan Eng ditemani Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan isteri, turut menyalakan *Kuttu Vilakku*.

## Kreativiti penjaja perlu di TMM 2015 – TKM I

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG KOTA –** Kreativiti dan inovasi dalam aktiviti penjajaan di negeri ini, sekaligus mampu mewujudkan jenama perniagaan tersendiri sempena kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2015 yang turut giat dipopularkan Kerajaan Negeri..

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2014 anjuran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

"Dalam usaha memastikan negeri Pulau Pinang telah memimpin dalam semua aspek, kita (Kerajaan Negeri) memerlukan peniaga-peniaga yang kreatif dan inovatif dalam mencari satu mekanisme baru supaya ia menjadi *trademark* penjaja di negeri ini," katanya mewakili Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa menyampaikan ucapan perasmian majlis berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Dato' Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua MPPP) turut berucap pada majlis yang disertai hampir 1,000 tetamu itu.

Menurut Mohd. Rashid, Pulau Pinang dalam beberapa tahun ini pernah diiktiraf di peringkat dunia dalam pelbagai kategori meliputi bidang pelancongan, warisan, destinasi didiami serta makanan-makanan yang enak.

"Justeru, kaum penjaja dan peniaga seharusnya mengambil kesempatan untuk memanfaatkan kesemua kelebihan yang ada di negeri ini demi memajukan perniagaan masing-masing," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa dan Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Kemasyarakatan.

Sebelum itu, Kon Yeow turut memuji MPPP kerana dikatakan merupakan satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang masih menganjurkan Hari Penjaja saban tahun.


ANTARA penjaja dengan pelbagai jualan makanan yang mengambil bahagian pada Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2014 anjuran MPPP di sini baru-baru ini.

"Penganjuran sambutan kali ini tidak lagi di hotel, tetapi secara terbuka di sini (Padang Kota Lama) menjadi suatu kelainan yang sebenarnya sesuai dengan realiti kaum penjaja berniaga secara terbuka di gerai-gerai disediakan MPPP di negeri ini.

"Syabas kepada MPPP kerana terus komited menghargai sumbangan penjaja untuk pembangunan ekonomi Pulau Pinang," tambahnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Patahiyah dalam ucapannya turut mengumumkan bahawa Kompleks Makanan Bukit Gedung dekat Batu Maung telahpun dipilih sebagai Johan Anugerah Medan Selera Selamat, Bersih Dan Sihat Peringkat Kebangsaan hasil pengauditan menyeluruh oleh Kementerian Kesihatan baru-baru ini.

"MPPP akan terus meningkatkan mutu gerai-gerai penjaja, manakala, kaum penjaja juga perlu meningkatkan mutu perniagaan masing-masing secara kreatif dan inovatif," seru beliau.

Pada majlis itu, seramai 35 penerima mengisi senarai pemenang bagi lapan kategori yang dipertandingkan pada peringkat pulau.

# Skuad baru FAP, 80% anak kelahiran Pulau Pinang



**KETUA Menteri sambil ditemani Nazir Ariff Mushir Ariff (tujuh dari kiri) menunjukkan replika cek dana RM4 juta Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang sambil ditemani barisan pemain FAP pada majlis penyampaiannya di sini sebelum ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Skuad bola sepak Pulau Pinang bakal menerima sentuhan samba daripada dua jurulatih dari Brazil bagi membantu menggalas cabaran skuad itu pada saingan Liga Perdana musim hadapan.

Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff berkata, Jackson Ferreira Tiago dilantik sebagai Ketua Jurulatih, dibantu rakan senegara, Amilton Da Silva Oliveira.

“Tiga jurulatih lain, Manzoor Azwira Abd. Wahid, Mohd. Hisham Jainuddin (Jurulatih Penjaga Gol) dan Leonardo Azevedo (Jurulatih Kecergasan) dikekalkan.

“Selain barisan jurulatih, FAP juga menamakan dua pemain import baru dari Brazil iaitu Reinaldo Rodrigues De Oliveira Lobo dan Alberto Concalus Da Costa serta mengekalkan dua pemain import sedia ada iaitu, Lee Gil Hoon (Korea Selatan) dan Hilton Mauro Moreira juga dari Brazil.

“Manakala 12 muka baru turut diserap dalam skuad Pulau Pinang antaranya Mohd. Syukur Saidin (pemain tengah dari *Sime Darby*), Mohd. Azrul Ahmad (ATM), Mohd. Farid Ramli (*Sime Darby)*, Mohd. Remezy Che Ros (PKNS), Mohd. Failee Mohamad Ghazali (*Sime Darby)* dan Mohd. Faiz Subri (Terengganu)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco-exco Kerajaan Negeri dan Timbalan Presiden FAP, Lawrence Law.

Menurut Nazir Ariff, penamaan senarai baru itu memperlihatkan 80 peratus pemain adalah anak kelahiran Pulau Pinang dan ianya diharap dapat melonjakkan semangat juang skuad 'Harimau Kumbang' untuk kelayakan Liga Super pada musim 2016 nanti.

“Musim ini, skuad kita menamatkan cabaran di tempat ketiga dalam persaingan Liga Perdana dan tersingkir di peringkat kumpulan Piala Malaysia yang membariskan skuad Johor Darul Takzim, Kelantan dan ATM.

“Jika dilihat senarai ini, sudah pasti skuad Pulau Pinang mampu menjadi pendahulu Liga Perdana musim depan dan menempa tempat bagi kelayakan Liga Super 2016,” jelasnya.

Sementara itu, Guan Eng turut mengumumkan pengiktirafan diterima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin sebagai penerima Anugerah *Ten Outstanding Young Malaysian* (TOYM) bagi kategori Politik, Perundangan dan Hal Ehwal Pentadbiran di sini baru-baru ini.

Anugerah berprestij berkenaan disampaikan Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada penganjuran majlis khas oleh JCI.

## Budak digilis bas sekolah terima perhatian Exco



**DR.Afif Bahardin (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke Unit Kecemasan HPP di sini baru-baru ini.**

**SIMPATI...** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini mengadakan lawatan terhadap seorang kanak-kanak yang dirawat di Unit Kecemasan Hospital Pulau Pinang (HPP) ekoran cedera dipercayai digilis sebuah bas.

Selaras itu, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut menyampaikan sumbangan kepada ibu mangsa, Hayati Ismail, 41.

Dalam kejadian 10 November lalu, kanak-kanak terbabit, Muaz Saedin, 7, cedera parah akibat digilis tayar bas sekolah di hadapan Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya 2, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini.

Muaz pada mulanya dihantar ke Hospital Seberang Jaya kemudian dirujuk ke HPP ekoran kecederaan dialami adalah agak serius.

## Agama itu Mendamaikan

Oleh : **DR. AFIF BAHARDIN**
**Ahli Majlis MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya**

**PERTELINGKAHAN –** Rampasan Al Kitab pada awal tahun ini di Selangor berakhir dengan pemulangan semula kitab-kitab tersebut oleh Majlis Agama Islam Selangor kepada Archbishop Asia Tenggara, Datuk Bolly Lapok dan disaksikan oleh DYMM Sultan dan Menteri Besar Selangor. Inisiatif pentadbiran baru Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani isu ini sewajarnya dipuji dan merupakan satu keputusan yang sangat membanggakan, khususnya tatkala negara sedang dibebankan dengan pelbagai kemelut membabitkan hal agama dan budaya.

Insiden ini sebenarnya sedikit sebanyak memberikan kita gambaran sebenar toleransi agama di negara ini, atau cengkaman oleh pihak berkuasa ke atas ruang awam dengan menggunakan hujah dan tafsiran agama yang dieksklusifkan. Kita sebenarnya tidak perlu melihat di luar kerangka masyarakat Islam sendiri untuk membuat penilaian. Contoh terdekat adalah pertembungan aliran Sunni dan Syiah, sesuatu yang bukan baru di rantau ini.

Polemik program 'I Want To Touch A Dog' juga telah membuka ruang perdebatan di antara mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tidak kurang juga yang menggunakan hujah agama untuk terus bersikap perkauman dan jumud dengan faham assabiyah seperti ISMA dan Perkasa. Lebih menggerunkan adalah apabila mutakhir ini wujudnya simpatisan dan pengikut *Islamic State* (IS) di kalangan masyarakat negara ini (pernah penulis terpaksa duduk dan mendengar seorang khatib yang memuji Islamic State di dalam khutbah Jumaat).

Kedahagaan masyarakat Malaysia terutamanya untuk pengisian kerohanian ini tampak membuak-buak; kehadiran di majlis-majlis ilmu memberangsangkan, majlis-majlis zikir dan selawat yang telan belanja beratus-ratus ribu untuk pentas dan siar raya, dan meningkatknya minat terhadap produk dan diskusi agama yang meluas. Namun persoalan pokoknya, apakah sensasi ini menjurus kepada wujudnya masyarakat Islam yang benar-benar melihat agama itu sebagai sesuatu yang mendamaikan atau agama itu adalah hujah untuk menghukum manusia lain?

**'Agama ibarat biola'**

Dalam filem Sang Pencerah (2010) karya sutradara Hanung Bramantyo yang membariskan Lukman Sardi sebagai pemain watak Kyai Haji Ahmad Dahlan, pengasas Muhammadiyah di Yogyakarta, terdapat satu babak di mana Ahmad Dahlan ditanya oleh anak muridnya, "Apa itu agama?".

Ahmad Dahlan mula menggesek biolanya dengan alunan yang merdu. Anak muridnya menikmati alunan biola sang guru, sehingga terpejam mata dek kemerduannya. Ahmad Dahlan bertanya kepada muridnya apa perasaan mereka, lantas mereka menjawab alunan biola itu indah, ibarat mimpi dan seolah segala permasalahan hilang. Ahmad Dahlan menjawab itulah agama - yang menenangkan, mendamaikan dan mencerahkan. Hakikat agama itu ibarat muzik yang memayungi dan menyelimuti manusia.

Ahmad Dahlan kemudiannya meminta salah seorang anak muridnya bermain biola itu. Kali pertama mencuba, sang murid langsung tidak tahu tentang biola dan bunyi yang terhasil sumbang. Ahmad Dahlan tersenyum dan berkata, "Itulah agama. Jikalau tidak dipelajari dengan benar, akan membikin resah di lingkungan kita dan bisa menjadi bahan tertawa". Kisah Kyai Haji Ahmad Dahlan ini adalah bukti bahawa pandangan segar seperti ini bukanlah sesuatu yang asing kepada masyarakat Islam di Nusantara.

**Islam dan ilmu**

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas di dalam karyanya berjudul Preliminary Statement on a General Theory of Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago telah memberi beberapa hujah yang menyebutkan kedatangan Islam telah merubah watak, peribadi, pemikiran, akhlak serta pandangan alam orang Melayu daripada bersifat tahyul, kepada bersifat ilmiah dan fakta.

Namun begitu masalah ilmu pengetahuan yang dihadapi masyarakat Melayu terutamanya, menurut Prof. Dr. S.M.N al-Attas adalah disebabkan oleh; kekeliruan dan kesilapan dalam ilmu yang mewujudkan keadaan hilangnya adab dalam lingkungan masyarakat dan munculnya pemimpin-pemimpin yang tidak mempunyai kelayakan untuk mengisi kepimpinan yang sah bagi masyarakat Muslim - yang tiada akhlak mulia, yang tiada tahap intelektual dan kerohanian yang diperlukan untuk mengisi kepimpinan Islam.

Sudah tiba masanya kita melihat kepada permasalahan ini secara menyeluruh. Ilmu tidak harus dipisah dari kehidupan beragama. Ilmu juga tidak wajar dieksklusifkan. Keberanian berhujah perlu digalakkan. Sikap kita juga harus diubah daripada sekadar menerima bulat-bulat yang disajikan kepada seorang yang gemar menyoal dan bertanya. Pabila kita mula bertanya, barulah kita mula berfikir dan menaakul. Tiada guna kita menggelar diri beragama tetapi masih hidup dalam kegelapan. Agama itu mencerahkan dan untuk cerah memerlukan akal dan berfikir. Pesan Allah dalam Surah Al-'An`ām, di hujung ayat ke-50;

".....Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"

# Anwar puji sumbangan An-Nahdhoh, KM memartabat Islam

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD & ZAINULFAQAR YAACOB**



KETUA Menteri beramah-mesra dengan Anwar Ibrahim pada majlis berkaitan.



ANWAR Ibrahim (atas jentolak) menyempurnakan majlis pecah tanah sebagai merasmikan projek penaiktarafan jalan utama ke Madrasah An-Nahdhoh sambil disaksikan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

**PENANTI –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau akan mengeluarkan peruntukan sendiri untuk membiayai kos penaiktarafan jalan utama ke Madrasah An-Nahdhoh di sini.

"Kali ini, saya sendiri akan keluarkan peruntukan kerana institusi pendidikan ini dikenalpasti giat membantu Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam," ujarnya pada Majlis Perasmian Naiktaraf Jalan Madrasah An-Nahdhoh dan Projek Tebatan Banjir Kawasan Parlimen Permatang Pauh baru-baru ini.

Guan Eng turut memuji inisiatif Dr. Norlela Ariffin kerana gigih mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri sejak diberi mandat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada Mei tahun lepas, sehingga berjaya memajukan serta mengurangkan risiko banjir di beberapa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

"Keseluruhan untuk (menangani risiko) banjir sahaja di KADUN Penanti, kita belanja RM5.6 juta, itu sebab Dr. Norlela kalau lihat saya dia senyum sahaja," seloroh Guan Eng.

Bercakap pada majlis sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji Guan Eng kerana berjaya menguruskan kewangan negeri hingga diiktiraf dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurut Anwar, Guan Eng sejak dimahsyurkan sebagai Ketua Menteri lebih enam tahun lepas dilihat konsisten dalam memartabatkan Islam serta mutu pendidikan di negeri ini.

"Dengan kemampuan kecemerlangan urus tadbir kewangan yang ditunjukkan di Pulau Pinang ini, kita (Pakatan Rakyat) boleh melakukan lebih baik lagi jika diberi mandat urus Putrajaya kelak," tegas Anwar yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia.

Pengerusi Yasasan dan Madrasah An-Nahdhoh, Tuan Guru Ustaz Mutalib Maarof pula dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif menaiktaraf jalan ke pusat pengajian komuniti Islam di sini.

"Jalan ini sebenarnya bukan sahaja digunakan oleh pelajar dan orang kampung yang datang mengaji di sini, malah, (turut digunakan) oleh penduduk setempat, petani, peniaga dan sebagainya.

"Semoga dengan inisiatif Kerajaan Negeri membuka (membaikpulih) jalan ke pusat pengajian ilmu agama di sini, Allah membuka pintu hidayah dan jalan kita ke syurga kelak," ujar Mutalib.



SALAH seorang *hafiz* menerima sumbangan daripada Anwar Ibrahim (empat dari kiri) sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada program Ijtimak Al-Huffaz Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H/2014M di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap ADUN Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Dato' Mansor Othman (Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang, YIPP merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal).

Dalam perkembangan berasingan, Anwar mengingatkan pemimpin Kerajaan Pusat supaya tidak terus menyalahguna kuasa, boros serta rasuah dalam menguruskan kewangan negara.

Katanya, rakyat akhirnya dibebankan dengan pelbagai cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta kenaikan harga minyak disebabkan kerajaan gagal menguruskan kekayaan negara secara berhemat.

Menurut Anwar, Al-Quran sendiri jika dihayati sebenarnya banyak menuntut pemimpin negara menguruskan kekayaan negara sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Nabi Yusof A.S. semasa diamanahkan untuk menjadi Menteri Kewangan Mesir suatu ketika dulu.

"Saya harap agar nas-nas Al-Quran dapat digunakan secara realiti terutamanya dari segi ekonomi, kekayaan dan pembangunan.

"Janganlah kekayaan itu berlegar dalam kalangan mereka yang kaya sahaja," tegas Anwar dalam Program Ijtimak Al-Huffaz Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H/2014M di sini baru-baru ini.

Anwar turut mensyarahkan maksud ayat 7 daripada Surah Al-Hasyr, yang bermaksud, "Supaya perbendaharaan Negara tidak berlegar dalam kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu..."

Majlis sumbangan tunai RM500 seorang Kerajaan Negeri kepada 471 *huffaz* atau penghafal-penghafal al-Quran yang keseluruhan berjumlah RM235,500 tersebut turut disaksikan oleh Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

## Karnival Usahawan buka minat rakyat kepada perniagaan

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) meneliti salah satu produk keluaran usahawan tempatan pada penganjuran Karnival Koperasi dan Keusahawan Rakyat 2014 di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA –** Seramai sembilan usahawan menerima bantuan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Pembangunan Industri Desa pada Karnival Koperasi dan Keusahawan Rakyat 2014 yang diadakan di perkarangan Dewan Sungai Dua di sini.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon ketika hadir merasmikan upacara penutupan karnival tiga hari berkenaan baru-baru ini.

Mohd. Rashid memberitahu, karnival seumpama itu bertujuan membuka peluang kepada rakyat di negeri Pulau Pinang untuk menjalan dan memperkenalkan perniagaan masing-masing kepada umum.

"Kerajaan Negeri amat komited membantu rakyat negeri ini meningkatkan pendapatan mereka memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat kini.

"Ini juga merupakan salah satu objektif penganjuran karnival saban tahun ini," katanya pada Majlis Penutupan Karnival Koperasi dan Keusahawan Rakyat 2014 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Saodah Nawawi.

Tambah Mohd. Rashid, selain membantu usahawan yang telah terlibat, penganjuran tersebut turut mensasar untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan baru.

"Penganjuran karnival ini berusaha menarik minat orang ramai yang hadir untuk mendekatkan diri dengan perniagaan dan koperasi.

"Dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan inilah, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memberikan bantuan pinjaman mikrokredit di bawah Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) kelolaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Justeru itu, mereka yang berminat diseru merebut peluang disediakan Kerajaan Negeri ini," jelas beliau.

# Pesta P. Pinang sedia platform niaga usahawan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **LAW SUUN TING**



SEBAHAGIAN produk jualan.

**PANTAI JEREJAK** – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sedia menyediakan platform baik kepada para peniaga serta usahawan yang rajin dan bersih untuk berjaya di Pulau Pinang.

Beliau menyatakan perkara demikian pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang Ke-48 bertemakan 'Jom Pi Pesta' di Dewan Utama Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

"Jika kita berniaga berdasarkan prinsip yang jujur, ikhlas dan bersih, saya pasti peniaga-peniaga di tapak Pesta Pulau Pinang ini akan berjaya mendapat keuntungan berganda kerana pelanggan lebih suka berurusan dengan pihak sedemikian.

"Contohnya, Astaka Bukit Gedung yang baru-baru ini memenangi pengiktirafan astaka terbaik peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama-sama Kementerian Kesihatan," ucapnya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Speaker Dewan Undangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Jait.

Sebanyak 176 gerai jualan dan pameran merangkumi sektor elektrik dan elektronik, produk kesihatan, pelancongan, hiasan dalaman, produk berasaskan kayu, bazar tekstil, pakaian, produk kraftangan dan produk dari luar negara mengambil bahagian dalam penganjuran tahun ini.

Menurut Guan Eng, penganjuran Pesta Pulau Pinang tahun ini membawa beberapa kelainan bagi memastikan ia terus menarik para pengunjung dari dalam dan juga luar negeri.

"Antaranya, pameran lukisan tiga dimensi (3D) serta pertunjukan watak animasi *Costume Play*.

"Bayaran masuk yang dikenakan untuk pameran lukisan 3D adalah sebanyak RM5 bagi dewasa, kanak-kanak (RM3) yang mana harga tersebut telah disubsidikan Kerajaan Negeri," ujar beliau.




LAMPU pelbagai warna yang menghiasi tapak Pesta Pulau Pinang 2014 menjadi tarikan utama.




## HOHO mampu tingkat kedatangan pelancong – KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN/CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, menzahirkan rasa bangga ekoran pengoperasian bas pelancongan dua tingkat, *Hop On Hop Off* (HOHO) yang memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kedua selepas Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurutnya, inisiatif syarikat Elang Wah Sdn. Bhd. yang merupakan pemilik HOHO adalah amat dialu-alukan Kerajaan Negeri yang sememangnya menggalakkan usahasama antara badan swasta.

"Kita (Pulau Pinang) nampaknya sekali lagi dipilih, sama seperti IKEA yang turut memilih Batu Kawan sebagai cawangan kedua selepas Lembah Kelang.

"Oleh itu, pengusaha-pengusaha industri pelancongan haruslah merebut peluang keemasan ini memandangkan peningkatan peratusan kedatangan pelancong pastinya akan berlaku," ujarnya pada Masjlis Perasmian HOHO di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kementerian Pelancongan menjangkakan peningkatan pelancong ke Pulau Pinang kepada 5.5 juta orang tahun ini berbanding 4.7 juta (2013).

Pengoperasian 10 bas HOHO adalah membabitkan dua laluan iaitu kawasan bandar (George Town - Bukit Bendera - Taman Botani) dan kawasan pantai (Teluk Bahang – Persiaran Gurney) merangkumi 50 hentian di lokasi-lokasi pelancongan menarik.



**PEMANDANGAN bas-bas HOHO ketika melalui Persiaran Gurney pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Waktu operasi adalah pada setiap hari bermula pada jam 9 pagi hingga 8 malam dan akan berhenti di setiap hentian selama 20 minit.

Harga tiket bagi dewasa bukan warganegara adalah RM45, RM19 (kanak-kanak), manakala bagi warganegara RM19 (dewasa) dan RM12 (kanak-kanak). Pakej keluarga yang menjimatkan turut ditawarkan. Penggunaan tiket tersebut adalah sah pada tempoh 48 jam.

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi talian 1-800-88-5546 atau layari laman sesawang, *www.myhoponhopoff.com*.



**MOHD. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) ketika menaiki bas HOHO bersama-sama barisan kepimpinan lain.**

# 2 tokoh terima anugerah pingat tanda penghargaan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan terhadap negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini mengurniakan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) kepada Pengerusi bagi *Supervisory Board of B. Braun Melsungen AG,* iaitu pembekal global bagi pasaran penjagaan kesihatan beribu pejabat di Melsungen, Northen Hesse, Jerman, Datuk Prof. Dr. H.C. Ludwig Georg Braun yang membawa gelaran Datuk Seri di sini.

Turut menerima pengiktirafan adalah Bishop Emeritus Antony Selvanayagam yang menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk.

Dilahirkan pada 21 September 1943 di Jerman, Braun memulakan kerjaya menerusi latihan vokasional sebagai pakar perbankan di *Deutsche Bank AG*. Menamatkan pengajian dalam bidang perniagaan praktikal di United Kingdom dan Amerika Syarikat sebelum mengambil alih pengurusan *Laboratorios Americanos S.A., Niteroi, R.J.,* di Brazil pada tahun 1968 serta membangunkan perniagaan eksport di Amerika Latin.

Pada tahun 1971, beliau kembali ke Jerman dan menyertai Lembaga Pengarah Pengurusan di B. Braun Melsungen AG dan merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah tersebut bermula pada tahun 1977 sehingga 2011.

Dalam pada itu, Braun juga merupakan Presiden Kehormat bagi *The German Association of Chambers of Commerce and Industry* (DIHK), ahli bagi *The State Synod of the Evangelical Church of Kurhessen-Waldeck* serta turut bergiat aktif sebagai Lembaga Pengarah bagi pelbagai persatuan dan yayasan kebajikan.

B. Braun merupakan pembekal global bagi pasaran penjagaan kesihatan dengan produk-produk untuk anesthesia, perubatan intensif, kardiologi, rawatan darah extracorporeal dan pembedahan serta pelbagai lagi perkhidmatan-perkhidmatan sampingan lain.

B.Braun mempunyai 51,000 kakitangan di 61 buah negara seluruh dunia. Kilang B. Braun di Bayan Lepas, di sini mempunyai lebih daripada 6,800 kakitangan. Syarikat tersebut telah menjana penjualan sebanyak EUR 5.17bn. pada tahun 2013.

Dalam pada itu, Bishop Emeritus Antony dilahirkan di Pahang pada 24 Oktober 1935. Beliau merupakan Bishop di *The Diocese of Penang* yang ke-empat. Menyertai kolej untuk bakal Paderi di Singapura pada tahun 1961 sebelum meneruskan pengajian di *College General Penang* pada tahun 1964.

Pada 20 Disember 1969, beliau dilantik sebagai Paderi dan bertugas di *St. Thomas Church,* Kuantan, Pahang. Dilantik sebagai *Auxiliary Bishop of Archdiocese of KL* pada 6 Mac 1980 sebelum menjadi Bishop pada 1 September 1980.

Hadir sama pada majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.



**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama Datuk Bishop Emeritus Antony Selvanayagam (kanan sekali) dan Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (kiri sekali) selepas selesai majlis penganugerahan pingat di Seri Mutiara di sini baru-baru ini.**



**DR. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) berjabat tangan dengan Datuk Seri Prof. Dr. H.C. Ludwig Georg Braun yang baru dipakaikan darjah DGPN.**

# ISEC serlahkan negeri destinasi pelancongan perubatan pilihan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU TIKUS** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembukaan pusat pakar penjagaan mata *International Specialist Eye Centre* (ISEC) dekat Jalan Burma, di sini sekaligus menyerlahkan status Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pilihan pelancongan perubatan di rantau ini.

"Memiliki pelbagai sub-kepakaran pakar mata akan membantu Pulau Pinang mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi paling popular dalam pelancongan perubatan," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan ISEC di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey turut menyertai majlis tersebut.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ISEC, Dr. Wong Jun Shyan, Dr. Alan Ang (Pengarah Perubatan ISEC Pulau Pinang) dan Dr. Tsiang Ung (pakar perunding mata ISEC).

Menurut Guan Eng, permintaan pada konsultasi perubatan di negeri ini sebenarnya agak tinggi, sama ada daripada warga emas mahupun muda.



**SALAH sebuah bilik rawatan.**

"Gangguan penglihatan yang lazim berlaku seperti katarak dan glaukoma ...tetapi keperluan menjaga kesihatan secara berkualiti tidak terhad kepada warga emas sahaja, malah orang muda juga," jelas Guan Eng.

Sebelum itu, Jun Shyan menjelaskan bahawa firma pakar penjagaan mata tersebut ditubuhkan di negara ini pada tahun 2007, sebelum melebarkan sayapnya di negeri ini, kini.

"Kami memulakan operasi pada tahun 2007 di Kuala Lumpur dengan sekumpulan doktor pakar sakit mata supaya ISEC boleh diangkat sebagai sebuah lagi institusi perubatan di peringkat dunia," katanya.

Jelas Jun Shyan, pembukaan ISEC di negeri ini sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan impian asal penubuhan ISEC berkenaan.

Dianggarkan, lebih 80,000 pesakit mengunjungi ISEC tiap-tiap tahun, dengan lebih 10,000 pembedahan mata dilakukan oleh institusi pakar mata berkaitan.




**KETUA Menteri ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan ISEC di sini baru-baru ini.**

# Pameran sains bakal lahirkan saintis masa depan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NAZLEEN NAJEEB**

**BAYAN BARU –** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa penganjuran pameran sains perlu diperbanyakkan di negeri ini demi melahirkan generasi baru berpengetahuan luas dalam penguasaan bidang berkaitan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penang International Science Fair anjuran *Penang Science Cluster* (PSC) kelolaan syarikat pembekal peralatan perubatan terkemuka dunia, B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. (B. Braun) dengan kerjasama Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

“Program seperti ini bakal melahirkan saintis masa hadapan yang mana pameran yang berlangsung selama dua hari itu memfokus serta mendedahkan bidang sains dan kejuruteraan dalam kalangan generasi muda.

“Lebih bermakna, program terbabit merupakan pameran (sains) pertama di Malaysia menggunakan stadium tertutup sebagai lokasi penganjuran ekoran memperoleh penglibatan serta sambutan amat menggalakkan pada dua penganjuran sebelum ini,” ujarnya.




**SALAH seorang kanak-kanak sedang membuat demonstrasi pergerakan robot.**



**PARA pelajar yang berkunjung ke penganjuran *Penang International Science Fair* bergambar kenangan di salah sebuah gerai pameran.**

Pameran menyasarkan kehadiran 50,000 pengunjung terbabit adalah bertemakan, Inspirasi Inovasi.

Pada penganjuran pertama tahun 2011 oleh Intel Technology Sdn. Bhd. yang merupakan ahli PSC, ia berjaya menarik seramai 12,000 pengunjung, Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd., juga ahli PSC, (2013, 35,000).

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Presiden B. Braun Asia Pasifik, Anna Braun.

Bersempena itu, sebanyak 58 syarikat berteknologi tinggi turut mengambil bahagian dan kira-kira 80 sekolah, institusi pengajian tinggi awam serta swasta mengambil bahagian dalam pertandingan rekacipta sistem robotik.

## *CMR Eat4Donation Charity* kongsi kegembiraan bersama golongan istimewa

Teks & Gambar: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Restoran masakan Cina Muslim Halal pertama dalam negeri, Restoran China Muslim (CMR) baru-baru ini meraikan ulangtahun ke-empat pengoperasiannya bersama anak-anak yatim, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak terabai dalam suatu acara amal di sini.

Salah seorang pemilik bersama CMR, K.L. Ong ketika ditemui berkata, saban tahun sejak empat tahun lalu, setiap kali sambutan ulangtahun CMR, pihaknya akan mengadakan jamuan untuk anak-anak yatim terpilih bersama beberapa organisasi OKU.

“Tahun ini sedikit berbeza kerana kami bukan sahaja mengadakan jamuan dan memberi makanan percuma kepada pelanggan serta berkongsi kegembiraan, tetapi juga mengadakan kutipan dana amal melalui, *CMR Eat4Donation Charity*.




**AHLI jawatankuasa penganjur merakam gambar kenangan pada program *CMR Eat4Donation Charity* di sini baru-baru ini.**



**SALAH seorang tukang masak sedang menyediakan sajian mi tarik.**

“Orang ramai yang hadir boleh menyumbang seberapa banyak jumlah yang mereka mahu sambil menikmati masakan Cina Muslim dengan harga paling minimum.

“Segala hasil jualan serta sumbangan akan disumbangkan kepada rumah anak-anak yatim terpilih, OKU dan kanak-kanak terabai,” katanya yang berharap agar acara berkaitan dapat dijadikan program tahunan acapkali menyambut ulangtahun pengoperasian restoran.

Jelas Ong, istimewanya tahun ini, penganjuran acara amal tersebut turut mendapat kerjasama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti, Hidayah Centre Pulau Pinang (HCPP), *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA), Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan Pertubuhan IKRAM Malaysia (Cawangan Pulau Pinang) yang turut menyumbang idea serta tenaga dalam memastikan kelancaran acara amal dijalankan.

“Rumah-rumah kebajikan yang dijemput tahun ini adalah Rumah Permata Kasih, Rumah Anak-anak Yatim St. Jospeh dan *The Salvation Army Penang Childrens Home*.

“Sebagai tambahan, seramai 40 kanak-kanak terabai sekitar Pulau Pinang turut dibawa khas ke acara amal ini,” ujar beliau.

Acara amal *CMR Eat4Donation Charity* turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian termasuk tarian singa, pameran dari penaja seperti Bank Muamalat dan Dr. Banner King, tazkirah serta cabutan bertuah.

Keseronokan semakin berganda apabila anak-anak yatim yang hadir menerima 'duit raya' disampaikan pemilik CMR iaitu Hashim Ismail dan Gao Min.

# IP sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dunia - KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**BATU FERRINGHI –** Kesedaran mengenai kepentingan harta intelek (IP) semakin meningkat dalam kalangan penggiat industri dengan kepelbagaian ruang dan peluang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Pulau Pinang kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pelbagai pendekatan telah dianjurkan dalam memberi pengetahuan dan pendedahan kepada penggiat industri termasuk masyarakat tempatan tentang kepentingan IP.

Tambahnya, penggiat industri terutamanya perlu memohon dan mendaftar cap dagangan, paten, pembaharuan utiliti dan reka bentuk perindustrian agar hasil keluaran syarikat dapat dipelihara daripada sebarang penciplakan dan masing-masing memperoleh hak eksklusif pengkomersilan.

"Kepentingan IP bukan sahaja menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dunia, tetapi juga meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi untuk perusahaan komersial serta penggiat industri.

"IP juga merupakan sumber kekayaan baharu yang dapat menjana pulangan tinggi kerana pemilik IP mempunyai hak monopoli untuk mengawal penjualan, pembuatan dan pengeksportan ke luar negara.

"Demi masa depan ke arah sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar, kita (Kerajaan Negeri) akan menggembleng tenaga membangunkan sepenuhnya kepentingan IP ini," ucapnya pada perasmian Mesyuarat Majlis Asian Patent Attorneys Association (APAA) Ke-63 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Hakim Kanan Mahkamah Persekutuan, Y.A. Tan Sri Hasan Lah, Hakim Mahkamah Tinggi England dan Wales, Sir Colin Ian Birss, wakil *World Intellectual Property Organization* (WIPO), Erik Wilbers, Presiden APAA, C.K. Kwong, Presiden Kumpulan APAA Malaysia, Micheal Soo, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Bersama APAA, Linda Wang dan mantan Presiden APAA, Kiyoshi Asamura.

Seramai 1,460 delegasi dari 22 negara Asia dan 54 negara bukan Asia yang terdiri daripada pengamal IP, peguam dan penggiat industri hadir pada mesyuarat yang julung kali dianjurkan di Pulau Pinang.

Selain membincangkan perihal IP, hak cipta, reka bentuk industri, tanda dagangan, paten, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu, turut dikupas adalah perkembangan IP, penguatkuasaan hak IP serta perkongsian pengalaman antara peserta mesyuarat.

Mesyuarat Majlis APAA seterusnya dijadualkan pada 13 November 2015 di Okinawa, Jepun sebelum ke Bali, Indonesia pada 8 Oktober 2016.

## Jagdeep lega Pusat salur dana baik pulih sekolah Tamil

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo melahirkan rasa lega ekoran permohonan dana berjumlah RM4.67 juta untuk membaikpulih semula Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) (SJKT) Ramakrishna dekat Jalan Scotland di sini akhirnya diluluskan Kerajaan Pusat.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, peruntukan tersebut diharap cukup untuk membaiki bumbung serta beberapa bahagian bangunan yang rosak dalam satu insiden, sebelum ini.

"Saya lega apabila sekolah (Ramakrishna) akhirnya dapat dana daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.75 juta untuk pembinaan semula (bangunan sekolah berkenaan)," ujarnya pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pra Sekolah SJKT Ramakrishnan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Presiden Ramakrishna Ashram, K. Ramasamy turut melahirkan penghargaan atas keprihatian Jagdeep terhadap masalah prasarana di sekolah terbabit yang terdiri daripada sekolah tadika, sekolah rendah serta pusat perlindungan kanak-kanak.

Menurut beliau, ayah Jagdeep, mendiang Karpal Singh semasa menjadi Ahli Parlimen Bukit Gelugor dahulu turut komited dalam pembangunan sekolah aliran Tamil.



**TIGA pelajar yang membuat persembahan sempena Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pra Sekolah SJKT Ramakrishna di sini baru-baru ini.**

Justeru, Ramasamy berharap, cita-cita memartabatkan sekolah aliran Tamil di tanah air ini turut disambut oleh waris murid-murid sendiri.

"Sepatutnya kita bangga dengan bahasa (Tamil) kita, kita akan maju dan pasti akan menyumbang kepada masyarakat suatu hari nanti kerana sekolah ini (SJKT Ramakrishna) merupakan antara sekolah Tamil terbaik di Pulau Pinang," ujar beliau.

Terdahulu, Jagdeep pada April 2013 mengutus surat permohonan dana daripada Kerajaan Pusat untuk membaikpulih SJKT Ramakrishna, selepas diminta oleh guru serta waris murid sekolah berkenaan.

Dalam suratnya, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelajaran seharusnya bertanggungjawab terhadap keperluan segera membaikpulih infrastruktur sedia ada di sekolah berkaitan.



KEADAAN bumbung salah sebuah bangunan SJKT Ramakrishna yang rosak.

## Parkir Bkt. Bendera jangka buka Feb. 2015

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Parkir bertingkat Bukit Bendera dijangka dibuka kepada orang ramai menjelang sambutan Tahun Baru Cina pada Februari 2015.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Rosli Jaafar selepas menjalankan pemeriksaan khas di bangunan berkenaan di sini baru-baru ini.

Katanya, pembukaan parkir diharap dapat dilakukan dalam tempoh ditetapkan memandangkan PDC kini sedang dalam proses mendapatkan perakuan siap dan pematuhan daripada pihak-pihak berkaitan.

"Kerja-kerja membina semula bangunan parkir lapan tingkat ini telah selesai sepenuhnya.

"Kini, selain daripada perakuan siap dan pematuhan, pihak kami sedang menunggu sambungan bekalan air dan tenaga elektrik," ujarnya di sini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah PDC Consultancy Sdn. Bhd., Ng Wei Aik dan Soon Lip Chee.

Perancangan projek parkir bertingkat di bawah Kementerian Pelancongan tersebut bermula pada tahun 2006 dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta. Projek tersebut dibiayai pihak kementerian dan PDC merupakan pihak dilantik untuk membina bangunan berkaitan.

Ekoran beberapa isu, bangunan berkaitan terpaksa diroboh, direkabentuk, dan dibina semula pada tahun 2012 dengan kos kira-kira RM11.5 juta dibiayai sepenuhnya oleh PDC.

Menerusi rekabentuk baru, bangunan tersebut dibina lapan tingkat dengan menempatkan enam tingkat tempat letak kereta berserta 305 petak parkir (berbanding 96 petak parkir asal yang disediakan), ruang pejabat (1) dan



**RUPA bentuk parkir bertingkat Bukit Bendera yang baru.**

ruang komersial (1).

Dalam pada itu, ketika diajukan soalan berhubung kelewatan projek, Rosli menjelaskan bahawa projek terbabit seharusnya siap pada 25 November tahun lalu (2013) sepertimana disyaratkan kepada kontraktor bertanggungjawab.

Jelas beliau, antara masalah utama yang menyebabkan kelewatan projek pembinaan ialah terdapat banyak bongkah batu bersaiz besar yang mengganggu kerja-kerja pembinaannya.

"Usaha memecahkan bongkah batu ini menggunakan bahan letupan adalah tidak sesuai disebabkan tempat pembinaan yang hampir dengan kediaman. "Oleh sebab itu, bongkah batu ini dipecahkan sedikit demi sedikit dan proses ini memakan masa hampir enam bulan sehingga menyebabkan kelewatan tidak dapat dielakkan," katanya.



RUANG parkir yang luas dan selesa.

Tambah Rosli, di atas kelewatan tersebut, PDC terpaksa mengenakan pampasan lewat siap (LAD) pada kadar RM5,000 sehari (bermula pada 26 September 2014) terhadap kontraktor berkenaan kerana gagal menyerahkan projek dalam tempoh yang dipersetujui.

"Penyerahan ini dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun depan.

"PDC selaku pengawal selia bangunan akan menentukan kadar bayaran parkir sewajarnya sebelum ianya dibuka kepada orang ramai," ujar beliau.

# RM23.9 juta Bajet 2015 harap kurangkan risiko banjir - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Bajet 2015 Pulau Pinang berjumlah RM13.9 juta tidak termasuk peruntukan tambahan RM10 juta untuk projek tebatan banjir serta menaiktaraf sistem perparitan di negeri ini yang diharap mampu mengurangkan risiko bencana kelak.

"Saya tidak berani mengatakan ini projek sifar banjir, tetapi, kita berharap ia boleh mengurangkan risiko bencana pada masa depan," katanya pada Majlis Perasmian Projek Tebatan Banjir Kampung Baru, Bukit Mertajam di perkarangan Taman B di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Lydia Ong Kook Fooi (ADUN Berapit).

Menurut Guan Eng, projek yang dinilai pada 18 Mac tahun lepas dan siap pada 18 Julai lalu di sini tersebut menelan belanja RM6,913,896.

Tambahnya, Kerajaan Negeri pada tahun lepas turut meluluskan peruntukan sebanyak RM7,156,642.25 untuk projek menaiktaraf sistem perparitan dan infrastruktur Taman Tangling serta satu lagi projek di Seberang Perai Selatan (SPS) berjumlah RM242,746.25.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng memberitahu, Bajet 2015 yang baru dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dekat George Town antara lain turut menambah bajet RM10 juta lagi menjadi keseluruhan peruntukan bagi menangani risiko banjir adalah berjumlah RM23.9 juta.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu, sebanyak lapan projek tebatan banjir bernilai RM8,351,734.12 akan dilaksanakan mulai tahun depan.

Jelasnya, projek yang dimaksudkan adalah di Taman Sri Nibong yang menelan belanja RM1,305,141.60, Taman Siakap (RM1,990,916.55), Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai (RM2,409,330), Kawasan Perindustrian Sungai Lokan (RM455,433.97), Parit Monsun Taman Bagan (RM400,000), Taman Kerjasama (RM451,000), Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya (RM1,090,000) dan Taman Machang Bubuk (RM249,912).

"Itu, tidak termasuk rancangan tiga projek pemajuan masa depan lain di ketiga-tiga daerah Seberang Perai yang dianggarkan menelan kos RM2.9 juta.

"MPSP memperuntukan bajet pada tahun 2015 bagi pembersihan parit monsun berjumlah RM4.34 juta dan pembaikan sebanyak RM500,000 sahaja.

"MPSP mempunyai sumber kewangan yang terhad, tetapi, terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana menyalurkan caruman dana untuk menangani masalah banjir di Seberang Perai," ujar Maimunah.







**GAMBAR sebelum dan selepas projek menaiktaraf sistem perparitan Kampung Baru, Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

# Kempen cegah barah paru-paru, PENBAR serentak




**DR. Afif Bahardin (lima dari kanan) bersama-sama barisan penganjur menunjukkan tanda bagus sambil menunjukkan sepanduk kempen yang diadakan.**

**GEORGE TOWN** – Hospital Kanser Mount Miriam melancarkan kempen 'Selamatkan Paru-Paru, Selamatkan Nyawa', serentak dengan program kesedaran Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) anjuran Kerajaan Negeri.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa merasmikan program itu berkata, perokok pasif turut mempunyai risiko tinggi untuk mengidap sakit barah sekiranya lazim terdedah pada asap rokok.

"(Merokok) ini berisiko untuk dijangkiti kanser paru-paru dan kempen ini mampu mencapai matlamat dengan sokongan orang ramai.

"Kita masih perlu mendidik orang ramai mengenai pri penting bebas asap rokok di negeri ini dan setakat ini, kempen (PENBAR) mendapat sambutan yang baik," ujarnya pada kempen 'Selamatkan Paru-Paru, Selamatkan Nyawa' di sini baru-baru ini.

Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, Kerajaan Negeri sedang mempertimbang penguatkuasaan berwajib mulai bulan Jun tahun depan demi menjayakan lagi kempen PENBAR.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Kanser Mount Miriam, Tham Wei Wei melahirkan rasa gembira kerana Kerajaan Negeri memberi sokongan langsung pada kempen kesihatan tersebut.

"Kanser paru-paru tidak boleh dipandang remeh kerana penyakit ini mampu memusnahkan kehidupan orang-orang yang kita sayangi," jelasnya.

Tambah beliau, Pusat Penyelidikan Ketagihan Nikotin Universiti Malaysia pada tahun 2013 mendedahkan, kira-kira 10,000 kematian direkodkan berpunca oleh merokok.

Selepas majlis ucapan perasmian itu, Afif turut menyempurnakan majlis penyerahan payung kempen PENBAR kepada penarik beca terpilih.

Sejurus itu, Afif bersama-sama jawatankuasa kerja Hospital Kanser Mount Miriam serta tetamu lain kemudiannya dibawa mengelilingi bandar George Town menaiki beca pelancongan bagi mengedar plakad eksklusif PENBAR kepada orang awam di sini.



**JAWATANKUASA dan para tetamu dibawa mengelilingi bandar George Town dengan menaiki beca sempena kempen 'Selamatkan Paru-Paru, Selamatkan Nyawa' di sini baru-baru ini.**

# Pergiat institusi teras vokasional – TKM II

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Mengikut rekod, Pulau Pinang hanya mempunyai sekitar 30 peratus pekerja berkemahiran tinggi, kata Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy pada Perasmian Forum Perundangan Pekerjaan di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, seru beliau, institut berteraskan vokasional seharusnya dipergiat dan diperbanyakkan bagi melatih generasi berkemahiran tinggi demi memenuhi permintaan pekerjaan semasa.

"Hari ini, kita memerlukan lebih banyak pusat-pusat vokasional yang mampu melatih para pelajar dengan pelbagai kemahiran semasa seperti ditawarkan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) kini.

"Melalui pusat-pusat latihan seperti ini, harapan untuk merealisasikan peningkatan pekerja berkemahiran tinggi di Pulau Pinang dapat dilaksanakan," jelas beliau.

Hadir sama, Pengerusi Penang State Human Resources Liaison Committee, Datuk Ajit Singh Jessy.

Penganjuran forum tahunan kali ketiga tersebut turut membariskan para penceramah yang mahir dalam bidang pekerjaan, undang-undang buruh dan latihan bagi memberi lebih pendedahan kepada pekerja berhubung perlindungan semasa bekerja kepada golongan berkaitan.

Ramasamy yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi turut menyatakan bahawa ekonomi Pulau Pinang adalah berteraskan pelaburan.

"Syarikat-syarikat multinasional besar seperti *Intel, B. Braun* dan sebagainya sentiasa memerlukan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan semasa masing-masing.

"Melalui latihan dan kemahiran kerja efektif yang diberikan pusat-pusat vokasional ini sahaja mampu mengisi kekosongan pekerja kemahiran tinggi di syarikat-syarikat multinasional.

"Bahkan, membantu meningkatkan ekonomi," ujar Ramasamy.

# FHP mampu kukuh P. Pinang sebagai destinasi MICE

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B Lim Guan Eng yakin bahawa pameran Makanan & Hotel Pulau Pinang 2014 (FHP) yang berlangsung di sini mampu mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE *(Meeting, Incentives, Convention and Exihibition)* dalam negara lantas menjadi destinasi pilihan selain Kuala Lumpur.

Beliau memberitahu, dengan sasaran kehadiran 5,000 pengunjung dan penyertaan 30 negara, acara anjuran *Malaysia Exhibition Services* (MES) dan *Malaysian Association of Hotels* (MAH) dilihat mampu menarik lebih kehadiran pelancong ke negeri ini dan Malaysia.



**ANTARA demonstrasi yang dijalankan pempamer sempena penganjuran FHP 2014 di sini baru-baru ini.**

"Industri kulinari dan pelancongan sememangnya tidak dapat dipisahkan kerana makanan merupakan antara faktor Pulau Pinang terus menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Bila bercakap mengenai makanan, tiada negeri lain boleh menandingi Pulau Pinang dengan kepelbagaian citarasa masakan seperti nasi kandar, *char kuey teow*, laksa penang, cendol, pasembur dan lain-lain lagi yang cukup sinonim," katanya pada Majlis Perasmian FHP 2014 di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, selain makanan tempatan, Pulau Pinang juga menjadi destinasi pengeksport dan pemprosesan makanan sejuk beku di peringkat antarabangsa seperti ke Eropah, Australia, Timur Tengah dan Amerika Utara.

"Hampir semua pengedar juga dimaklumkan mempunyai standard kualiti yang tinggi seperti pemilikan sijil halal dan dinilai di bawah piawaian *Hazard Analysis Critical Control Unit* (HACCP).

"Contohnya, produk makanan dari *Australia Pacific West* yang diproses oleh Iceworks Sdn. Bhd. di Butterworth yang mana ia sudah bertapak selama 40 tahun di Pulau Pinang dan menembusi pasaran antarabangsa seperti New Zealand, United Kingdom, Singapura, Brunei dan Afrika Selatan," tambah beliau.

Katan beliau, pameran FHP disertai 250 wakil pameran industri makanan dan minuman yang julung kalinya diadakan di Pulau Pinang diharap dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.



**SEKUMPULAN pelajar institusi pengajian tinggi dalam bidang kulinari turut mengambil kesempatan mengadakan lawatan.**



**WAKIL-wakil media Buletin Mutiara merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan kapal *Costa Victoria* yang berlabuh di Pelabuhan Swettenham di sini baru-baru ini.**

## Fasiliti lebih baik mampu tarik pelabuhan kapal mewah - KM

**PELANCONGAN...** Persinggahan kapal pelayaran mewah, *Costa Victoria* di Pelabuhan Swetthenhem di sini mampu melonjak dan meningkatkan sektor pelancongan negeri ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang menyambut ketibaan dan mengadakan lawatan khas ke sekitar kapal tersebut di sini baru-baru ini.

"Jika kita (Pulau Pinang) mempunyai fasiliti lebih baik, saya harap industri ini (lokasi persinggahan kapal pelayaran mewah) lebih berkembang dengan ketibaan kapal-kapal yang lebih besar," kata beliau.

Kapal pelayaran mewah *Costa Victoria* dari Itali adalah seberat 78,000 tan. Perjalanan pelayaran adalah dari Singapura dan berlabuh selama satu hari di Pulau Pinang sebelum meneruskan perjalanan.



**BAHAGIAN dalaman kapal *Costa Victoria*.**



# Pak Menteri, tidak semua orang Cina kaya

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera Merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work

**BARU-**baru ini, Menteri Komunikasi dan Multimedia Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dipetik oleh blog Umno sebagai berkata bahawa ada "negeri tertentu" yang bersembunyi di sebalik dasar meritokrasi untuk mendiskriminasikan Melayu secara halus. Walaupun beliau tidak menyebut secara langsung, umum jelas bahawa beliau merujuk kepada kerajaan Pakatan Rakyat yang menerajui Pulau Pinang.

Saya telah menyangkal tuduhan yang tidak berasas itu dengan menyenaraikan pelbagai dasar kebajikan yang bukan berasaskan kaum tetapi berasaskan keperluan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang. Dasar-dasar seperti bantuan kewangan kepada warga emas, ibu tunggal, ibu emas, anak emas, pelajar emas, OKU, nelayan dan penarik beca, serta program pembasmian kemiskinan "tambah nilai" yang memastikan tiada isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM790 sebulan semuanya telah memberi manfaat kepada banyak keluarga miskin, di mana kebanyakannya merupakan keluarga Melayu. Sementara itu, prosedur pemerolehan yang telus telah membolehkan penganugerahan projek-projek negeri kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang benar-benar layak. Ini sangat berbeza dengan pendekatan yang didukung oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Saya juga menzahirkan rasa malu bahawa masyarakat Melayu kekal miskin di Pulau Pinang setelah 50 tahun pemerintahan Barisan Nasional, sementara kerajaan Pakatan Rakyat sedang cuba yang terbaik untuk membantu golongan miskin.

Pun begitu, saya terkejut apabila mendapati bahawa Shabery bukan sahaja gagal memahami maksud kenyataan balas saya, malah beliau menuduh saya sebagai "bias dan rasis." Tidak cukup dengan itu, beliau lagi menunjukkan bulu perkaumannya dengan berkata: "Mengapa beliau (Zairil) tidak menyatakan kejayaan orang Cina hasil kejayaan BN?"

### Kemiskinan adalah masalah semua rakyat Malaysia

Kenyataan perkauman sebegitu adalah kelumrahan bagi seorang menteri Umno dan merupakan ciri fitrah Barisan Nasional yang sentiasa gagal untuk memahami bahawa kemiskinan dan kesenjangan pendapatan bukanlah masalah perkauman. Memetik ahli ekonomi terkenal dan pengarang The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia, Dr Muhammed Abdul Khalid, kemiskinan adalah "masalah Malaysia."

Malah, buku Dr Muhammed menunjukkan bahawa dua pertiga daripada pekerja Malaysia berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, dan kira-kira 90 peratus daripada semua rakyat Malaysia mempunyai hampir sifar simpanan. Realiti yang menyakitkan ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia daripada semua kumpulan etnik sekadar kais pagi makan pagi.

Fakta ini disokong oleh Kaji Selidik Upah dan Gaji 2013 oleh Jabatan Statistik, yang menunjukkan bahawa gaji penengah atau median bagi Bumiputera berada pada RM1,600 sebulan. Bertentangan dengan apa yang Shabery percaya, orang Cina tidaklah jauh lebih baik, di mana gaji median kumpulan etnik ini hanya RM2,000 sebulan. Orang India pula mendapat gaji median bulanan sebanyak RM1,500. Dalam erti kata lain, gaji median bulanan bagi ketiga-tiga kumpulan etnik utama di negara kita berada pada tahap RM2,000 ke bawah, lantas melayakkan mereka sebagai golongan berpendapatan rendah.

Tambahan pula, kesenjangan pendapatan sudah menjadi satu masalah yang membimbangkan di Malaysia apabila negara kita mencatat jurang paling besar antara yang kaya dan miskin dalam kalangan negara Asia Tenggara. Dari segi etnik, kesenjangan ini adalah tertinggi dalam kalangan kaum India, diikuti kaum Cina dan kemudian Bumiputera. Walau bagaimanapun, ramai yang tidak menyedari bahawa jurang antara orang Cina kaya dan orang Cina miskin sebenarnya yang paling luas dari segi nominal berbanding kumpulan etnik lain. Oleh itu, selain semua hartawan Cina yang kita dengar, ada majoriti besar orang Cina berpendapatan rendah yang lebih kurang sama dengan rakan-rakan mereka yang lain di Malaysia.



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama Timbalan Gabenor Jakarta, Dr. Sylviana Murni (empat dari kanan) pada penganjuran Persidangan SOCDEM Asia di Pulau Pinang baru-baru ini.

### Tetapi kroni semua kaum kaya-raya

Walaupun secara empirikal terbukti rakyat Malaysia secara keseluruhannya berada pada tahap sosio-ekonomi yang rendah, namun tidak dapat disangkal memang terdapat suatu golongan rakyat Malaysia yang sangat istimewa. Rakyat Malaysia terpilih ini istimewa kerana mereka dianggap layak untuk menerima layanan khas dalam bentuk penganugerahan tender rundingan langsung, kontrak murah hati *(sweetheart deal)*, konsesi yang menguntungkan serta projek mega daripada kerajaan Barisan Nasional.

Rakyat Malaysia istimewa ini juga dikenali sebagai kroni, dan mereka juga tidak terpisah mengikut kaum. Jika kerajaan Barisan Nasional ingin diiktiraf kerana berjaya memperkayakan mana-mana golongan, maka golongan kroni inilah yang berjaya diperkayakan tanpa mengira kaum.

Malangnya, dasar-dasar yang membentuk sebuah ekonomi sewaan *(rentier economy)* berdasarkan kapitalisme monopoli *(state monopoly capitalism)* telah membawa manfaat hanya untuk kelas kapitalis kroni ini, dan bukan kepada majoriti rakyat Malaysia yang terperangkap dalam jerat kemiskinan dan kesenjangan pendapatan. Jelas, keadaan ini akan makin parah melainkan polisi proaktif diperkenalkan untuk menangani rasuah dan kronisme yang telah merompak kekayaan negara milik rakyat Malaysia marhaen.



PARA delegasi dan ahli jawatankuasa merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri yang hadir sebagai dif kehormat.

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lltiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |




**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256








EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) menjelaskan butir-butir berhubung projek perumahan PR1MA kepada wakil media massa yang hadir pada majlis sidang media beliau.



AKSI Ketua Menteri ketika mencuba salah satu peralatan sains sambil diperhatikan peserta-peserta cilik pada Majlis Perasmian Penang International Science Fair 2014.



GURU-guru dan pelajar-pelajar menunjukkan bahan-bahan pameran dihasilkan pihak sekolah berkaitan sempena Majlis Anugerah Sekolah Hijau 2014 Peringkat Seberang Perai.



RUPA bentuk kapal *Costa Victoria* yang tiba di Pulau Pinang baru-baru ini.



PARA peserta ceria ketika mengambil bahagian dalam program amal *Walk for Sight & Sound - Charity Blindfold Walk 2014.*





AKSI Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan mengayuh beca sempena Program Penyerahan Payung Kepada Pengayuh Beca Sempena Kempen Kanser Paru-paru.



AHLI-ahli pasukan paintball MPPP menunjukkan tanda bagus setelah memenangi tempat kedua Kejohanan Paintball Piala Dunia Asia.






SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam program Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2014 memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara bersempena majlis perasmiannya.

# APIBM bakal masuk senarai rekod *Guinness* - Exco



DR. Abdul Rahman Abbas (lima dari kiri) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan para pemenang APIBM di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MARK JAMES & SHUM JIAN-WEI**

**BATU MAUNG –** Buat julung kalinya, *Asics Penang International Bridge Marathon 2014* (APIBM) diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan berjaya mencatatkan lebih daripada 60,000 penyertaan dari dalam dan juga luar negara.

Berdasarkan jumlah penyertaan tersebut, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang menjangkakan bahawa APBIM bakal disenaraikan dalam *Guinness Book of World Record* sebagai larian jambatan yang memperoleh penyertaan paling ramai dalam sejarah.

"Kita menjangkakan APBIM pada tahun ini bakal disenaraikan dalam *Guinness Book of World Record* dan permohonan telah dihantar bagi mengiktiraf acara ini," ujarnya pada upacara penyampaian hadiah APBIM di sini baru-baru ini.

Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir sebagai dif jemputan kehormat penganjuran.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Dalam pada itu, Guan Eng melahirkan rasa kagum terhadap sambutan luar biasa yang diterima ekoran penganjuran buat julung kalinya berlangsung di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Malah, beliau turut berterima kasih kepada syarikat pengeluar barangan sukan, *Asics* yang sudi menjadi penaja utama.

"Sebagai pengiktirafan kepada atlet, pihak penganjur dan penaja memperuntukkan jumlah hadiah wang tunai yang sama rata bagi semua kategori tanpa mengira lelaki ataupun wanita.

"Hadiah keseluruhan pada tahun ini juga meningkat kepada RM253,800 beerbanding RM126,4000 pada tahun lepas," ujar beliau.

Keputusan keseluruhan menunjukkan atlet-atlet dari Kenya mendominasi acara marathon berkenaan.

Peserta Kenya, Alex Melly menjuarai acara utama Marathon Penuh Terbuka Lelaki dengan catatan masa 2 jam 19 minit, Kedua (Hosea, 2 jam 21 minit 24 saat) dan Ketiga (Joseph Kiio Mutinda, 2 jam 21minit 28 saat).

Kemenangan Melly membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, diikuti RM12,000 (Kedua) dan RM8,000 (Ketiga).

Hadiah utama cabutan bertuah berupa sebuah kereta *Honda City* pula berjaya dimenangi oleh Ong Poh Soon, 62, dari Butterworth yang tidak pernah ketinggalan menyertai acara tersebut sejak penganjuran pada tahun 1988.



ONG Poh Soon (kiri) menunjukkan kunci kereta *Honda City* dimenanginya pada acara cabutan nombor bertuah.

# *Walk For Sight & Sound* pupuk kesedaran belia

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**KEBUN BUNGAH –** Objektif penganjuran program amal tahunan, *Walk For Sight & Sound 2014* bukan hanya bertujuan mengumpul dana untuk disalurkan kepada *St. Nicholas' Home* dan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, sebaliknya, memupuk kesedaran dalam kalangan belia berhubung kepentingan kedua-dua pacaindera berkaitan dalam aspek kehidupan.

Pengerusi penganjur, Beatrice Lam berkata, program amal tersebut adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) yang cacat penglihatan dan pendengaran.

"Dana yang diperoleh diharap dapat membantu mereka (golongan berkaitan) pada aspek pendidikan, perolehan peralatan diperlukan dan kemudahan latihan terutamanya dalam menjalani kehidupan harian di pusat-pusat kebajikan tersebut," katanya pada Majlis Perasmian Walk For Sight & Sound 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan upacara perlepasan kira-kira 1,000 peserta adalah Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.



SEORANG peserta OKU dibantu salah seorang sukarelawan bersempena penganjuran program amal *Walk For Sight & Sound 2014* di sini baru-baru ini.



PARA peserta melakukan senaman ringan pada penganjuran program.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Program anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club Of Georgetown* dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga berjaya menarik penyertaan para peserta berkerusi roda dan para sukarelawan.



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4975
Peminjam : GOH AI LIN - 751009075496
101 PERSIARAN MAHSURI, 2/4 BAYAN BARU,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : POH KUM SUN - 4096259
3-8-11 LINTANG PAYA TERUBONG SATU
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH KEONG AIK - 711105075377
1-13-11 LENGKOK FREE SCHOOL
11600 GEORGETOWN,
PULAU PINANG

No Akaun : 4986
Peminjam : MUHAMMAD NAJHAN SHAHIR BIN HALIM - 760121075765
NO.33 JALAN 14,
TAMAN GREENWOOD INDAH
68100 BATU CAVES, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN OMAR - 680518025555
NO. 51 TAMAN MELUR, JALAN WANG TEPUS,
06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : YUSOF BIN SAID - 690808085467
NO 39 JALAN 7A/7, BANDAR TASIK PUTERI
48000 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 4988
Peminjam : SHAHRUL IDZHAM BIN MOHD NOOR - 750518145371
4018 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : MOHD NOOR B ABU BAKAR – 2536899
(MENINGGAL DUNIA)
NO. 4018 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NOR HAZMITA BT MOHD NOOR - 700607085424
LOT 1583 JALAN GUCHIL 6 LUAR ,
18020 KUALA KRAI, KELANTAN

No Akaun : 6178
Peminjam : CHEW TECK HWA - 740204075631
6A MK 7 PULAU BETONG,
BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AIM SWE SAN - 571215075341
1167 MK 9 BUKIT GEMURUH, TELUK KUMBAR,
BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH BAN AUN - 740724075969
M-12-3 DESA MEDURA,
LEBUH RELAU 6, BAYAN LEPAS
11900 PULAU PINANG

No Akaun : 6185
Peminjam : TAN LEE SAH - 740227075394
15 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA
14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : TAN BOON MENG - 571106075449
NO. 37 PERSIARAN 4,
ARENA KEPAYANG PUTRA
31400 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : TAN LEE LEE - 670417075554
NO. 288-B SUNGAI JAN ,
27000 JERANTUT, PAHANG

No Akaun : 6196
Peminjam : GOH CHYI SAN - 731112016402
8 LORONG BUNGA KEKWA,
TAMAN BUNGA KEKWA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : GOH SOO TIT - 1555152
8 SOLOK BUNGA KEKWA 2, TAMAN KEKWA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NG SAI CHENG - 4326213
8 SOLOK BUNGA KEKWA 2, TAMAN KEKWA,
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6207
Peminjam : VASUDEVAN A/L SUPPIAH - 710211106603
NO. 28 CANGKAT DAMAI, TAMAN PERMATA,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : JAGATHEESAN A/L SUPPIAH - 7166806
28 CANGKAT DAMAI, TAMAN PERMATA ,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GUNA CHELVY A/P SUPPIAH - 681031106358
28 CANGKAT DAMAI,
TAMAN PERMATA ,
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6209
Peminjam : KHOO LAY KIM - 730825075328
12 LORONG TEMBIKAI 3, TAMAN SRI RAMBAI,
14000 BUKIT MERTAJAM,
Penjamin 1 : CHING PECK EE - 700710105518
17 JALAN WAWASAN 4/9,
PUSAT BANDAR PUCHONG,
47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM SENG SAN - 680914075327
17 JALAN WAWASAN 4/9,
PUSAT BANDAR PUCHONG,
47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 6214
Peminjam : LIM LAY SWEE - 741204075396
6-4-23 TINGKAT NIPAH,
TAMAN LIP SIN, 11900
Penjamin 1 : OOI CHIN CHIN - A1439500
358-5-5 MACALLUM STREET,
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE POH LEE - 6257924
BLOK 358 5-6 GAT LEBUH MACALLUM,
10300 PULAU PINANG

No Akaun : 6229
Peminjam : ONG MING HOOI - 731225075302
17 JALAN BS 5/23, TAMAN BUKIT SERDANG,
SERI KEMBANGAN,
SERDANG 43300 SELANGOR
Penjamin 1 : TONG YOKE YING - 601110107372
B-01-02 SERDANG VIEW APARTMENT,
JALAN MAKMUR 3/1, SERDANG HEIGHTS
43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 2 : Dr. KOW CHEONG WEI - 661006075301
1 JALAN PUTERI 9/1, BANDAR PUTERI,
PUCHONG, 471000 SELANGOR

No Akaun : 6260
Peminjam : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 701117715029
NO. 46 KAMPUNG MALABAR
10100 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-ZIFIRI BIN MOHAMED ISHAK - 8210321
BLK 2A-0209M MEDAN ANDSANA 1, BANDAR
BARU AIR ITAM, 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED RABIK BIN YUNOS – 8170903
(MENINGGAL DUNIA)
24 JALAN CHENDRAI, LUCKY GARDEN
BANGSAR, 59000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 6274
Peminjam : NG WOOI KIANG - 760907075361
26, LORONG DESA PALMA 3,
TAMAN DESA PALMA,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HEE CHYE - 3648050
17 KAMPUNG ASTON, 14000 BUKIT
MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : CHOO HOCK LAM - 6096632
30 LORONG SEJAHTERA 10,
TAMAN SEJAHTERA, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6284
Peminjam : SEOW CHUN WEI - 760617075101
23 JALAN NURI 3, TAMAN NURI,
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : BOI AH BAH@BOEY SU CHONG – 390917075255
(MENINGGAL DUNIA)
3434 JALAN BAYAN, TAMAN SENTOSA,
14300 NIBONG TEBAL,
SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : SEOW AH BAH – 500402075031
(MENINGGAL DUNIA)
9 TINGKAT TIONG 1, TAMAN BAHAGIA,
14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 6287
Peminjam : LEE ENG TEONG - 731211075379
5-8-10 LENGKOK ANGSANA ,
BANDAR BARU AYER ITAM
11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE AH DEE - 420403075017
F3-21 PADANG TEMBAK, 11400 AYER ITAM ,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE ENG HOOI - 721117075285
RF3-21 PADANG TEMBAK,
11400 AYER ITAM , PULAU PINANG

No Akaun : 6295
Peminjam : LAI JEE SHIAN - 760820075537
NO. 23 JALAN PUJ 2/45,
TAMAN PUNCAK JALIL,
43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : KHOO BOO TEONG - 6193811
41 PERSIARAN KIKIK 1,
TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
Penjamin 2 : KHOO BEE HOOI - 1349868
36 TINGKAT BETIK 4 , SUNGAI RAMBAI,
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6320
Peminjam : TANG SONG TEIK - 760712075361
123-V JALAN KAMPUNG PISANG,
AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM CHOO KIANG - 641008075139
NO. 27 JALAN RUMBIA 75,
TAMAN DAYA, JOHOR BAHRU, 81100 JOHOR
Penjamin 2 : NG BENG YIN - 640727085427
NO. 26 JALAN RIMBA 8,
TAMAN DESA TEBRAU,
81100 JOHOR BAHRU, JOHOR

No Akaun : 6331
Peminjam : YEAP CHIN HOO - 760607075255
91 JALAN SAUJANA PERMAI 1,
TAMAN SAUJANA PERMAI,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN AH BAH @ TAN CHENG SIN - 480216075235
47 TINGKAT BERAPIT DUA, TAMAN PEARL,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEAH HAN LEE - 6096985
21 JALAN JAMBU MAWAR 3,
TAMAN JAMBU MAWAR,
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6333
Peminjam : GOH THING THING - 760729075448
29 JALAN SS 21/26, SS21,
DAMANSARA UTAMA, 47400 PETALING JAYA,
SELANGOR
Penjamin 1 : HING AH BA @ HENG CHEW HOR - 1679155
48 LORONG TENANG 9, TAMAN TENANG,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LEE AH WHAT - 3246229
851 JALAN SAMA GAGAH,
13510 PERMATANG PAUH

No Akaun : 6334
Peminjam : TANG SI KEAT - 760725075619
NO. 9411 KAMPUNG SELAMAT
13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : TANG YAAM HEE - 540917075395
9411 KAMPUNG SELAMAT,
13300 TASEK GELUGOR,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : TANG YAM SING - 480203025247
2431 KAMPUNG SELAMAT,
13300 TASEK GELUGOR,
SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 6388
Peminjam : MOHAMED HAFFIS BIN MOHOSSAIN - 761230075435
NO.9 JALAN P14 E1/1, PRESINT 14,
62050 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : MOHAMMED HASSAN BIN MOHOSSAIN MOLLA - A1908370
L-G-3 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG,
FASA 4A, 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HAJA MOHIDEEN BIN SHAIK DAWOOD - 630901715019
60-4-9 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM,
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 6412
Peminjam : ARSHAD BIN OSMAN - 760212075605
KUARTERS NAHRIM,BLOK C1-3,
LOT 5377 JLN PUTRA PERMAI
43300 SRI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD ZAINI BIN RAMLI - 570225075915
PENANG PORT SDN BHD, P.O.BOX 1204,
10710 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAT SAAD BIN REJAB - 470518025429
NO.32 KAMPUNG BATU 6,
09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 6427
Peminjam : MAGESWARAN A/L ARUNASALAM - 761228075145
46 TINGKAT MELUR 3, SIN TATT GARDEN,
12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VIJAYAN A/L GOVINDASAMY - 720326075519
D-G-7 BLOK D, PANGSAPURI DESA SAUJANA,
SEKSYEN 3, TAMAN SUNGAI BESI INDAH
43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 2 : RAMESH KUMAR A/L PERUMAL - 690807015491
71 LORONG DATO DAGANG 26 B ,
TAMAN SRI SENTOSA,
41200 KLANG, SELANGOR

No Akaun : 6466
Peminjam : IZIATI BTE MOHD AZMI - 761115075480
204 BLOK D13 SECTION 2, BANDAR BARU
WANGSA MAJU 53300 SETAPAK,
KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : PUTERI MAZLINA BT DAHALAN - A1315049
206 BLOK D13 SEKSYEN 2, WANGSA MAJU,
53300 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : KAMARUDIN BIN KADIR – 561205055209
(MENINGGAL DUNIA)
BLOK B-5-4 RUMAH PANGSA PAROI,
70400 NEGERI SEMBILAN

No Akaun : 6477
Peminjam : CHE RAHASNIZA BINTI ABDUL RAHIM - 750516075170
815 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS,
SPU
Penjamin 1 : MUSTAPA BIN MOHAMAD - 4105746
NO. 7 JALAN JAWI JAYA 2, TAMAN JAWI JAYA,
14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : RAHIMAH BT ABD RAZAK - 5525831
1511 KAMPUNG PONGSU SERIBU,
13200 KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 6488
Peminjam : MASWADI BIN ABDUL MANAF - 750205075309
NO. 9045 PERMATANG SUNGAI DUA,
KEPALA BATAS, 13200
Penjamin 1 : ASP. ZABIDI BIN KADIR MOHAMAD - G/10372
IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN MELAKA,
(CAWANGAN JSJ), JALAN AYER KEROH LAMA
75450 BUKIT BERUANG, MELAKA
Penjamin 2 : SUHAIMI BIN HAROON - 680623075079
20 LORONG PERMAIPURA SENTOSA 1,
PERMAIPURA GOLF & COUNTRY CLUB
08100 BEDONG, KEDAH

No Akaun : 6497
Peminjam : AHMAD FAIZAL BIN ISHAK - 760618145415
AX-G-3 TAMAN TUN SARDON,
GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ISHAK BIN BORHAN - 490117055019
AX-G-3 TAMAN TUN SARDON,
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MEGAT ABDULLAH B MEGAT AHMAD – 3537775 (MENINGGAL DUNIA)
63 LORONG 2, TAMAN PERUDA,
SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 6509
Peminjam : FIZATTUL SUHAIDA BT MOHD YUSOF - 761114075470
1129 JALAN SEMPADAN
14320 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : ABDULLAH B SALLEH - 530710086207
131 TEBOK HAJI MUSA, TITI SERONG,
PARIT BUNTAR, 34200 PERAK
Penjamin 2 : HAJI ZAINOL B SALLEH - 460419025133
NO. 80 JALAN TENGAS,
TAMAN SRI TENGGARA
34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 6513
Peminjam : AZLAN BIN ISMAIL - 761125075679
569 BAGAN TAMBANG, TELUK AIR TAWAR,
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : AZIZ BIN ISMAIL - 650713075585
NO. 40 TINGKAT ZARIB 6,
TAMAN PINJI MEWAH,
31500 LAHAT, PERAK
Penjamin 2 : AZAHAR B ISMAIL - 710417075099
569 BAGAN TAMBANG ,
TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 6521
Peminjam : NOOR YUSNIZA BINTI ZAHARI - 771002076128
17 JALAN SELASIH U12/27A,
TAMAN CAHAYA ALAM, SEKSYEN U12,
40170 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : DSP. MARZUKI BIN HAJI ISMAIL - G/9564
PENGKALAN POLIS MERIN, WILAYAH UTARA,
GELUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MD AROF BIN MAHAT - RF/55157
BLK P-B KRTS POLIS MARIN, JALAN PENARA,
KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH

No Akaun : 6524
Peminjam : SAIFULBAHARI BIN PABILLAH - 770205076019
478 JALAN TUNKU PUTRA,
TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : IDRIS BIN AHMAD - 0327754
NO. 9 TAMAN DESARINA , JALAN JERAI 13,
ALOR SETAR, 05900 KEDAH
Penjamin 2 : ABU KASSIM BIN MD SAP - 511121075047
478 JALAN TENGKU PUTRA,
TELOK AIR TAWAR , 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 6534
Peminjam : NOR AZIRA BINTI MOHD SENAPI - 770508075734
F36, KAMPUNG SUNGAI PIAL,
TANJUNG DAWAI, 08100 BEDONG, KEDAH
Penjamin 1 : MOHD ALI BIN AHMAD - 1485362
LOT E-6290 BATU 7, JALAN SUNGAI TUA,
68100 BT CAVES SELANGOR
Penjamin 2 : ABD SAMEEK ARABI B AHMAD ARABI - 590817075641
NO. 144 JALAN HEAH SENG WHATT,
12000 BUTTERWORTH

No Akaun : 6537
Peminjam : NOOR RAHIZAM BIN ABD RAHIM - 7311260754034
19 LORONG BENTARA, TMN ALOR SETAR,
JALAN TELOK WAN JAH
05200 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : ABD RAHIM BIN AWANG - 3781327
NO. 59 BT 5 1/4, KAMPUNG BOHOR, HUTAN
KAMPUNG, 05350 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : ZAKIAH BT MOHD ALI - 5853880
1283 BUKIT TAMBUN , 14100 SIMPANG AMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6541
Peminjam : ZURIZAL BIN OTHAMAN - 760229075097
1283 JALAN AMAN 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN MOHAMED MUKHTAR - 480316075267
61 LORONG GUAR PERAHU 17, TMN GUAR
PERAHU, KUBANG SEMANG
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : FAUZI BIN AHMAD - RF91637
CAW. PENGANGKUTAN, IBUPEJABAT POLIS
KONTINJEN PAHANG,
25990 KUANTAN, PAHANG

No Akaun : 6546
Peminjam : SITI MARIANI BINTI MOHAMED - 730218075668
3-15-A LORONG DESA SENA 5,
TAMAN DESA SENA, 13300 TASEK GELUGOR,
Penjamin 1 : MOHD NADZRI BIN MOHAMED - 701013075661
335 PERMATANG CHE TAK,
13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ZAMRI BIN MOHAMED - 660501075689
1194 PERMATANG CHE TAK ,
13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 6548
Peminjam : NORASIMAH BINTI OSMAN - 761114086540
146 MK 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR
11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABD KARIM BIN MUSTAFA - 471105075297
42 PEKELILING BELATUK, TAMAN BERSATU,
14300 NIBONG TEBAL SPS
Penjamin 2 : ASP. MOHAMAD FADZIL BIN HASHIM - RF109577
UNIT URUS SETIA, IBUPEJABAT POLIS
BUKIT AMAN, 50560 KUALA LUMPUR

No Akaun : 6554
Peminjam : JASMADI BIN JUNID - 740202075283
4357 BAGAN JERMAL
12300 BUTTERWORTHG
Penjamin 1 : SUHAIMI BIN JUNID - 670801075321
4357 BAGAN JERMAL,
12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : BADROL HISHAM BIN AHMAD - 601001075981
NO. 22 LORONG DESA SENA 7,
TAMAN DESA SENA,
13300 TASEK GELUGOR, SPU

# Pesta Belon Udara Panas, 21 Feb.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar**: SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN** – Bersempena sambutan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015, *Penang Global Tourism (PGT)* dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal menganjurkan Pesta Belon Udara Panas pada 21 hingga 22 Februari 2015.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada acara percubaan di Padang Polo di sini baru-baru ini memberitahu, pelbagai acara dirancang untuk menarik minat umum pada hari penganjuran berkenaan.

"Ini merupakan kali pertama Pulau Pinang mengambil inisiatif menganjurkan acara belon udara panas ini dan saya berharap ianya dapat menarik minat ramai pengunjung terutamanya mereka yang ingin mencuba pengalaman baru ini," ujarnya di sini baru-baru ini.

Program tersebut bakal diadakan bermula pada jam 6 pagi hingga 9 malam.



**BELON udara panas di ruang udara.**





**PROSES menerbangkan belon udara panas pada sesi demonstrasi di Padang Polo di sini baru-baru ini.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 6555
Peminjam : SHARIFAH MARDHIAH BINYAHYA BT SYED AHMAD - 760401075612, 13 JLN PINGGIRAN PUTRA 5/18, DESA PINGGIRAN PUTRA, SG. MERAB, 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD DAHLAN BIN ABDUL RAHMAN – 421013055023 (MENINGGAL DUNIA), 93 JALAN SS 18/1B, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : SYED HASSAN ALHADI BIN SYED ALWEE - 420920015039, NO. 331 JALAN KELANTAN , TAMAN RAKYAT, KAMUNTING, 34600 PERAK

No Akaun : 6556
Peminjam : EZRIN ANIS BT MOHD KHAIRAN - 760312075012, 56-A JALAN 3/141, KAMPUNG MALAYSIA TAMBAHAN 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MOHD ZAHRI BIN ABDULLAH - 5051655, LOT 40 JALAN SRI PLENTONG 8, TAMAN PERINDUSTRIAN SRI PELENTONG , 81750 MASAI, JOHOR
Penjamin 2 : HASNAN BIN NAZI - 5844685, 3 HALA BANDAR BARU TAMBUN 5, BANDAR BARU TAMBUN, 31400 IPOH, PERAK

No Akaun : 6571
Peminjam : SHAMSUL ANUAR BIN NORDIN - 760624075695, 1-5-18 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ISMAIL BIN SULAIMAN - 531013075339, NO. 4 JALAN DM 3D , DESA MOCCIS, SUNGAI BULUH, 47000 SELANGOR
Penjamin 2 : SHARIFAH SHAHIRAN BT SYED ALWI - 581211025274, NO. 4 JALAN DM 3D , DESA MOCCIS, SUNGAI BULUH, 47000 SELANGOR

No Akaun : 6577
Peminjam : MOHD SHAHIR BIN MOHD JENUN - 730525145443, 125 DESA DYNAVIEW, LORONG BATU MAUNG 1, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD ZAHID BIN MUSA - 540308085707, 26 JALAN 1/4, TAMAN DAHLIA , BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG, SELANGOR
Penjamin 2 : SAANIAH BTE SALLEH - 600301085538, 26 JALAN 1/4, TAMAN DAHLIA , BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG, SELANGOR

No Akaun : 6579
Peminjam : NORAZIDA BT YUSOF - 730704075700, 14 JALAN U 11/9B, BUKIT BANDARAYA, 40170 SHAH ALAM
Penjamin 1 : AZIZAN BT HANAFIAH - 561116075216, NO. 17 JALAN 8 TAMAN GOMBAK, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHD JAMIL HAJI MAT ISA - A0642875, NO. 17 JALAN PLATINUM 7/60A, SEKSYEN 7, SHAH ALAM , 40000 SELANGOR

No Akaun : 6586
Peminjam : MOHD NIZAM BIN ABDUL RAHIM - 750325075135, NO. 33 JALAN ELEKTRON U16/50H, SEKSYEN U16, DENAI ALAM, 40160 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL RAHIM B AHMAD - 430726075109, 385 MK 5 KUBANG SEMANG, 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : HASHIM BIN MDNOH - 441025075281, 739 MK 5 KUBANG SEMANG, 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6625
Peminjam : LOW BOON YUEN - 740514075696, 84-S MK 13 AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : POH YONG KUAN - 6956393, 11-12-05 LINTANG PAYA TERUBONG 4, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN YOON CHOY - 4779068, 11-12-05 LINTANG PAYA TERUBONG 4, 11060 PULAU PINANG

No Akaun : 6628
Peminjam : MUNEERAH BT ABDUL MOOKMIN - 760921075608, NO. 826 JALAN TKP 15, TAMAN KANTAN PERMAI 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL MOOKMIN BIN MD SALLEH - 440605075013, 380-B JALAN HAJJAH REHMAH, JELUTONG TIMUR, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED TAUFEEK BIN ABDUL MOOKMIN - 721209075397, 380-B JALAN HAJJAH REHMAH, 11600 JELUTONG , PULAU PINANG

No Akaun : 6631
Peminjam : LEE SHER REEN - 751025075314, 15 JALAN SERI PUTRA 6/5, BANDAR SERI PUTRA, SERI KEMBANGAN 43300 SELANGOR
Penjamin 1 : LOW BOON SIANG - 501014075317, BLOK 58-2-8 FLAT JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN YOKE KEOW - 7167600, 21-8-6 DESA RAHMAT, JALAN RELAU, 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 6640
Peminjam : AARON CHIN CHUNG MENG - 720915075613, 17-S SOLOK BUNGA RAYA, BUKIT GLUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN WOOI CHOONG - 560122025675, 42 JALAN SS 15/2E, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : TAN VUI NIAP - 511121025357, 21-C JALAN SG 1/9, TAMAN INDUSTRI BOLTAN, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 6643
Peminjam : ROHANA BINTI ABDUL AZIZ - 750513075562, 98-10-16 SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : FARIDAH BINTI SALEHU MASTAN - 520407075282, 3-09-9 FLAT MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD AZLAN KAMAL BIN ABDULLAH - 630528075673, 3-09-11 FLAT MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 6661
Peminjam : VENGADESH A/L MUNIAPA - 760630075173, 103-15-3 PERSIARAN BUKIT GAMBIER 1, GAMBIER HEIGHT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHANDARAN A/L MUNIAPA - 720608025835, 103-15-3 PERSIARAN BUKIT GAMBIR 1, GAMBIER HEIGHTS, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUNIAPA A/L RATNAM – 430122075175 (MENINGGAL DUNIA), 1595 JALAN VEERAPAN, 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6663
Peminjam : SUHAIMI BIN BAHARI - 690731075331, NO. 9 JALAN PEKAKA 8/13A, SEKSYEN 8, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : BAHARI BIN OTHMAN - 1345324, 282 BALIK PULAU VILLAGE AREA, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL MANAN BIN JUSOH - A1526735, NO. 3 LORONG SERI GENTING 6, TAMAN PONDOK UPEH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 6676
Peminjam : MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID - 770907076179, NO. 34 JALAN P 11, C/17, PRESINT 11, 62300 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : ZAINAB BINTI HASHIM - 610215086138, 1003 JALAN CENGAL 29, TAMAN AMPANGAN, SEREMBAN , 70400 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 2 : NORMAH BT PUTEH - 5969836, 1068 PERMATANG KLING, 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN

# Kerjasama PBC OCBC sumbang ekonomi negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** OCBC Bank (M) Berhad (OCBC) mensasarkan pertumbuhan positif dalam sektor perkhidmatan melalui pusat perbankan premier *(Premier Banking Centre* - PBC*)* terbesarnya di Lebuh Pantai di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ong Eng Bin berkata, pihaknya mensasarkan untuk memenuhi sektor perkhidmatan bagi beberapa tahun akan datang susulan pertumbuhan pesat sektor tersebut di Pulau Pinang.

"Kami menyedari potensi sektor-sektor lain yang semakin berkembang seperti pembuatan makanan dan minuman, perkongsian perkhidmatan penyumberan luar *(shared services outsourcing* – SSO) dan pemprosesan pusat perniagaan penyumberan luar *(business processing outsourcing* – BPO), tetapi hasrat kami (OCBC) adalah untuk menggandakan pertumbuhan dalam perkhidmatan khususnya industri perbankan premier.

"Pihak kami berharap untuk terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor ini dan menjadi sebahagian daripada penyumbang pertumbuhan ekonomi negeri di samping mengukuhkan rangkaian OCBC serantau," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian PBC OCBC di sini baru-baru ini.

Majlis peramian tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Pengerusi Bank OCBC, Datuk Ooi Sang Kuang, Ketua Perkhidmatan Kewangan Pengguna dan Kumpulan Pengurusan Kekayaan, Lim Wyson.

Dalam ucapannya, Guan Eng memberitahu bahawa pusat perbankan premier OCBC di Pulau Pinang kini mencapai 40 peratus pertumbuhan aset di bawah pengurusan bagi tempoh 12 bulan hingga Jun 2014.

"Malah, saya difahamkan perniagaan pelaburan dan asas pelanggan perbankan premier kumpulan turut berkembang lebih 20 peratus bagi tempoh yang sama.

"Ini menandakan keyakinan yang semakin meningkat dalam tawaran perbankan premier," ucap beliau.



KETUA Menteri sambil ditemani Ooi Sang Kuang (kiri) ketika menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Perasmian PBC OCBC di sini baru-baru ini.

Jelas Guan Eng, prospek pertumbuhan ekonomi negeri dilihat lebih cerah dengan tumpuan Pulau Pinang kini ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Bank OCBC adalah antara bank asing terbesar beroperasi di Malaysia sejak tahun 1917 (dikenali sebagai Bank Ho Hong) dengan 31 rangkaian perbankan konvensional dan 10 cawangan perbankan Islam di seluruh negara.

Cawangan Bank OCBC di Lebuh Pantai adalah yang terbesar di Pulau Pinang dengan keluasan 8,000 kaki persegi.

## Altera kukuhkan kedudukan pusat pembangunan bakat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Syarikat semikonduktor, *Altera Corporation* (Altera) kini menfokuskan aspek penyelidikan dan pembangunan di samping mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu pusat pembangunan bakat di negeri ini.


KETUA Meteri mencuba salah satu perkakasan elektronik yang dipamerkan bersempena Hari Inovasi dan Ulangtahun Ke-20 Altera.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Altera mempunyai hubungan dan kesinambungan yang kuat dalam bidang akademik apabila mengamalkan dasar pintu terbuka kepada pelajar dan para graduan untuk dibimbing oleh pakar-pakar dalam bidangnya.

"Hubungan yang terjalin adalah dalam kalangan universiti-universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

"Melalui dasar ini (buka pintu), belia dapat dilatih dengan standard bertaraf dunia, teknologi canggih dan peroleh *hands-on* pengalaman berharga yang relevan dalam industri masa kini," katanya pada Majlis Perasmian Hari Inovasi dan Ulangtahun Ke-20 Altera di sini baru-baru ini.


PERKAKASAN robotik dan elektronik berkomputer turut dipamerkan.

Hadir sama, Naib Presiden Altera, Datuk Dr. Mohd. Sofi Osman.

Dalam pada itu, Mohd. Sofi berkata, syarikat semikonduktor tersebut menyasar untuk meningkatkan bilangan paten miliknya sebanyak 50 peratus pada tahun akan datang.

"Melalui kerja keras, kami (Altera) telah berjaya memperoleh 160 paten yang mana pada tahun ini sahaja 33 paten telah diperoleh iaitu yang dikeluarkan *US Patent and Trademark Office,*" ujar beliau.

## Kalendar *Penang Trade Events* cermin kesungguhan Kerajaan Negeri


ABDUL Malik Abul Kassim (tengah, berkot) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur Kalendar Penang Trade Events 2015 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Pelancaran Kalendar Penang Trade Events 2015 Ke-6 mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam merangsang dan membangunkan perdagangan serta perniagaan di Pulau Pinang, jelas Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Katanya, pelancaran tersebut adalah bagi mengumpulkan kepelbagaian acara yang akan berlangsung di negeri ini sepanjang tahun sebagai program perniagaan dan perdagangan utama.

"Apabila ia dilancarkan buat pertama kali iaitu pada tahun 2009, hanya terdapat 15 acara.

"Tetapi, hari ini, terdapat 112 acara yang telah dirancang akan dilaksanakan pada tahun hadapan (2015) berbanding tahun ini (2014) hanya 69 acara.

"Ini merupakan kesungguhan kita (Kerajaan Negeri) untuk berusaha menjadikan acara-acara berkaitan sebagai faktor yang menyumbang kepada ekonomi negeri," ujarnya pada Majlis Pelancaran Kalendar Penang Trade Events 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rahim Isahak.

Tambah Abdul Malik, pelancaran tersebut adalah sebagai usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi persidangan dan pameran di rantau ini dan juga menjadi penganjur utama dalam penganjuran acara antarabangsa.

"Selain mempromosikan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa, langkah ini adalah sebagai pengiktirafan yang sepatutnya kepada rakan-rakan perniagaan (penganjur ekspo, pertubuhan dan lain-lain) di atas komitmen masing-masing.

"Ini merupakan komitmen kita (Kerajaan Negeri) dalam membantu mereka yang terlibat meningkatkan program-program dijalankan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa di masa hadapan," ujar beliau.

# Syor 'pemisahan berwajib sisa' Putrajaya dikaji - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT** – Kerajaan Negeri sedang mengkaji model terbaik untuk melaksanakan pemisahan berwajib sisa makanan di negeri ini, susulan daripada cadangan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan polisi hijau itu secara berperingkat mulai September tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, suatu undang-undang kecil berupa enakmen mungkin akan digubal supaya selari dengan syor Putrajaya tersebut.

"Kerajaan Negeri sedang mengkaji model dan amalan Kerajaan Persekutuan supaya kita dapat membuat enakmen yang diperlukan dalam anggaran rumahtangga yang memastikan pengasingan sisa di peringkat sumber ini akan dilaksanakan dengan lancar di seluruh negeri.

"Dalam undang-undang kecil yang digubal kami, akan ada '2 + 1' pengumpulan sampah (iaitu) yang boleh dikitar semula dan sisa makanan akan dikutip seminggu sekali, manakala, sampah yang tidak boleh dikitar semula akan dikutip dua kali seminggu," ujarnya semasa merasmikan Malam Kecemerlangan Alam Sekitar 2014 Untuk Pencapaian, Anugerah & Pengiktirafan *(Penang Green 3A Gala 2014)* di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Naib Pengerusi Penang Green Council (PGC), Phee Boon Poh turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Datuk Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Thing Siew Shuen (Pengurus Besar PGC).

Menurut Guan Eng, dianggarkan RM4 juta dapat dijimatkan sekiranya sistem pungutan sampah yang baru kelak dapat dikurangkan dari 750 tan kepada 550 tan tiap-tiap hari.

Difahamkan, Pulau Pinang diiktiraf mencapai kadar kitar semula sisa pepejal paling tinggi di negara ini dengan 28 peratus oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan 34 peratus, MPSP.

Dalam perkembangan sama, wartawan akhbar Sinar Harian, Siti Nadiah Ahmad Zamlus, Christina Chin Swee Gaik (*The Star Publications*), Tan Sin Chow (*The Star Publications*), Chua Cheng Leng (*Guang Ming Daily*), Syajaratulhuda Mohamad Rosli (Sinar Harian), M. Gokina (Sinar Harian), Cavin Lim Ai Li *(The Star Publications*), Ong Khar Yong (*Kwong Wah Yit Poh*), Foong Wai Loon (*Guang Ming Daily)* Yeap Cheong Wah *(Guang Ming Daily)*, Teh Chin Hooi *(Sin Chew Daily)* dan Tan Choon Lee *(Guang Ming Daily)* adalah antara penerima Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang dalam pelbagai kategori pada malam tersebut.

*Ecobiomaterial Research Laboratory* dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Golden Highway Auto-City Sdn. Bhd. masing-masing turut menerima anugerah Insentif Inisiatif Hijau Pulau Pinang daripada Guan Eng.

Manakala, Anugerah Pertandingan Video Hijau Pulau Pinang dimenangi Lim Tau Wong, Ooi Leng Seng dan Sim Lee Sen.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengakui semua roh hijau, yang mempunyai sumbangan dan pencapaian cemerlang dalam pemuliharaan alam sekitar.

"Ini juga merupakan malam penghargaan bagi nama 11 individu dan pertubuhan-pertubuhan serta mereka yang memenangi Anugerah Sekolah Hijau di Pulau Pinang," ujar beliau yang juga Pengerusi PGC.



**PHEE Boon Poh (tiga dari kanan) merakam gambar bersama-sama kumpulan wartawan yang memenangi Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang dalam pelbagai kategori pada Malam Kecemerlangan Alam Sekitar 2014 Untuk Pencapaian, Anugerah & Pengiktirafan di sini baru-baru ini.**

## MPPP perluas penggunaan mesin proses sisa makanan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG** – Selepas Pasar Awam Pulau Tikus, Lebuh Campbell dan Batu Lanchang di sini dilengkapi mesin memproses sisa makanan terbuang, kini inisiatif tersebut diperluaskan ke Pasar Awam Jelutong baru-baru ini.

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Perlesenan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. Jodi Shoba Naidu berkata, mesin bernilai RM18,800 tersebut adalah disasarkan untuk memproses sisa terbuang daripada sumber makanan seberat 70 kilogram (kg) hingga 100 kg bagi dijadikan baja berbentuk organik.

"Namun, penggunaannya terhad kepada sisa makanan lembut seperti buah, sayur-sayuran dan daging.

"Sisa yang mempunyai tulang adalah tidak dapat diproses," katanya pada Majlis Perasmian Penggunaan Mesin Memproses Sisa Makanan di Pasar Awam Jelutong di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong.

Pengoperasian mesin berkenaan adalah dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan MPPP dan para peniaga hanya perlu menghantar sisa-sisa makanan ke kawasan bilik khas berkaitan.

Menurut Ah Teong, dalam masa terdekat, Pasar Awam Farlim dan Pasar Awam Padang Tembak bakal dilengkapi dengan kemudahan mesin tersebut.

"Penggunaan mesin ini juga adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mensasarkan sifar bahan buangan dalam visi menjadi sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," ujar beliau.




**KAKITANGAN MPPP melakukan demonstrasi penggunaan mesin memproses sisa makanan.**

**TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

BERSATU DAN SETIA

**Mulai 1 September 2014 hingga 31 Disember 2014**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# Jururawat sertai ultramarathon kumpul dana amal

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti menyalurkan sumbangan RM5,000 bagi membolehkan seorang jururawat pertubuhan kebajikan, *Charis Hospice* menyertai larian ultramarathon bagi mengumpul dana membantu pesakit-pesakit berkenaan di sini.

Exconya, Chong Eng berkata, sumbangan disampaikan kepada jururawat berkaitan, Christine Loh Woon Chze, 28, adalah bagi membolehkan beliau mewakili pertubuhan tersebut dalam acara ultramarathon, *The Vibram Hong Kong 100* yang bakal berlangsung di Hong Kong pada 17 – 18 Januari 2015.

"Sumbangan ini diharap dapat memberi semangat buat Woon Chze meneruskan cabaran berlari sejauh 100 kilometer bagi mengumpul dana membantu pesakit-pesakit di *Charis Hospice*.

"Semangatnya wajar dicontohi semua belia terutama berhubung penglibatan beliau dalam aktiviti amal," katanya pada sidang media penyerahan sumbangan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Perubatan *Charis Hospice*, Dr. Oo Loo Chan.

Dalam pada itu, Woon Chze ketika ditemui berkata, beliau amat teruja untuk memulakan cabaran di Hong Kong dan berharap agar lebih ramai tampil untuk menyumbang serta membantunya menghulurkan bantuan kepada pesakit-pesakit di *Charis Hospice*.

"Setiap orang yang berlari mempunyai tujuan dan matlamatnya tersendiri. Bagi saya, kali ini, saya berlari untuk membantu pesakit-pesakit di sini (*Charis Hospice*)," ujarnya ringkas.

Woon Chze telah berkecimpung dengan aktiviti larian sejak 2012. Terbaru, beliau telah mendapat tempat ke-11 dalam kejohanan *Penang International Bridge Marathon 2014* bagi kategori terbuka wanita dan menjadi juara *Penang Tanjung Run 10km*, kategori sama.




**CHONG Eng (kanan sekali) dan Christine Loh Woon Chze (kiri sekali) menunjukkan replika cek pada majlis sumbangannya di sini baru-baru ini.**

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menghubungi Brenda di talian 011 - 1246 6757 (waktu pejabat) atau 04 - 827 9668 atau emel ke *charishospice@gmail.com* atau kunjungi laman *Facebook, Charis Hospice* di *https://www.facebook.com/charishospice.penang*.

*Charis Hospice* adalah sebuah pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan penjagaan paliatif dan perubatan secara percuma kepada pesakit-pesakit kanser serta lain-lain penyakit kritikal.

# Laporan media massa diseru patuhi Akta Kanak-kanak 2001

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Media massa diseru supaya mematuhi peruntukan Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 bagi melindungi kepentingan dan kebajikan kanak-kanak dari sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan serta eksploitasi.

Ketua Pegawai Eksekutif The Malaysian Insider, Jahabar Sadiq berkata, setiap anggota masyarakat sama ada individu atau organisasi perlu memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.

"Ia bertepatan dengan intipati Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara yang selaras dengan falsafah Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001 yang menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik mereka.

"Di bawah Seksyen 15 Akta tersebut jelas memperuntukkan sekatan ke atas laporan dan penyiaran gambar kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam kes jenayah sama ada melalui media cetak mahupun perantaraan elektronik.

"Oleh itu, penganjuran forum-forum yang membincangkan soal privasi kanak-kanak seperti ini perlu dipergiatkan agar pengamal media tahu batas-batas untuk melaporkan sesuatu kes jenayah melibatkan kanak-kanak," katanya yang hadir sebagai ahli panel pada Forum Privasi Kanak-kanak dan Media anjuran Pusat Kesedaran Wanita (WCC) di sini baru-baru ini.

Jelas Jahabar, melalui pengalaman melaporkan kes-kes jenayah melibatkan individu berumur bawah 18 tahun yang terlibat dalam jenayah seksual, beliau mengambil pendekatan untuk tidak mendedahkan butiran peribadi mangsa kerana undang-undang sedia ada jelas melarang penyiaran sedemikian.

"Media tidak boleh mendedahkan gambar, nama, alamat, institusi pendidikan atau apa-apa maklumat yang membolehkan kanak-kanak tersebut dikenalpasti dalam tindakan yang sedang diambil atau sekiranya kanak-kanak tersebut adalah seorang saksi dalam kes-kes jenayah.

"Etika penyiaran perlu dihormati dan pastinya masyarakat akan faham kenapa berita tidak melaporkan secara penuh, bukan sahaja untuk melindungi privasi kanak-kanak berkenaan, tetapi juga untuk mengimbangi antara hak privasi serta kepentingan awam," jelasnya.

Nada yang sama turut disuarakan Pengarang Wanita dan Keluarga The Star, Ivy Soon dan bekas Pegawai Eksekutif Centre for Independent Journalism, Masjaliza Hamzah.

Hadir sama, Ketua Pengarang Malaysiakini, Steven Gan, Editor The Edge, Terence Fernandez, Pengarah Eksekutif WCC, Loh Cheng Kooi, pensyarah-pensyarah kewartawanan dan pelajar media massa tempatan, *Penang Institute,* Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), wartawan tempatan serta pengamal terapi kanak-kanak.

Dalam pada itu, Pegawai Advokasi WCC, Joshua Teh ketika membentangkan hasil kajian beliau menyatakan bahawa melalui pemantauan pihaknya terhadap laporan akhbar-akhbar di Malaysia melibatkan jenayah seksual kanak-kanak, didapati terdapat laporan pendedahan butir-butir peribadi kanak-kanak berkaitan termasuk tempat tinggal dan umur sehingga kerahsiaan kes 'dicabul'.

"Situasi ini amat membimbangkan kerana ia bukan sahaja merupakan pelanggaran hak privasi kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, malah juga membantutkan proses pemulihan supaya kanak-kanak berkenaan dapat melupakan pengalaman pahit yang terjadi.

"Kanak-kanak berkenaan akan mengalami tekanan hidup dan sentiasa merendah diri kerana malu untuk berdepan dengan masyarakat sekeliling terutama di kawasan kejiranannya. Hal ini akan menyebabkan kemurungan dan boleh membawa kepada kejadian tidak diingini seperti bunuh diri," tegas beliau.

Pelanggaran Akta berkenaan adalah suatu kesalahan dan jika disabitkan, pelapor atau individu bertanggungjawab boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berikut adalah pecahan daripada 382 laporan kes jenayah melibatkan kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun mengikut bahasa akhbar bagi tempoh Mei - September 2014 : -



Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Refleksiologi kaki, mahiri atas pengalaman sendiri

**NEKAD** yang disemai berdasarkan pengalaman sendiri untuk memahiri kemahiran refleksiologi kaki akhirnya membuahkan hasil bagi Khasim Abdullah, 54.

Bapa kepada empat cahaya mata itu tidak menafikan bahawa refleksiologi kurang dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu yang lebih maklum urut seliuh.

Mengulas lanjut, keinginan memahiri bidang tersebut adalah ekoran kejadian yang menimpanya ketika berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum ini.

“Masa di tentera (ATM), kaki saya tembus terpijak kayu. Selepas puas berubat, saya cuba kaedah refleksiologi. Kira-kira sebulan kemudian, saya boleh jalan.



**TEKNIK mengurut menggunakan tenaga di hujung jari tidak menyebabkan Khasim Abdullah keletihan walaupun menerima beberapa siri lawatan pesakit.**

“Dari situ, saya nekad untuk belajar seni urut itu (refleksiologi),” jelasnya yang ketika itu berkhidmat di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Khasim memberitahu, pembelajaran kursus oleh pakar dari Taiwan dikelola dalam Bahasa Cina.

“Saya merupakan satu-satunya pelajar berbangsa Melayu. Bagaimanapun, nasib baik, ada yang sanggup menjadi jurubahasa saya.

“Selepas setiap sesi pembelajaran, rakan-rakan di kem yang menjadi ‘bahan’ praktikal saya. Malah, keluarga sendiri pun tidak mengetahui yang saya mengikuti kelas tersebut dan apabila tamat kursus, mereka (keluarga) tak tengok pun sijil diperoleh,” ujarnya sambil tersenyum.

Menetap di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), Khasim kini merupakan pengamal tunggal Bumiputera di kawasan tersebut.

Menerusi rawatan selama sejam dengan upah RM25, beliau menyatakan bahawa refleksiologi kaki mampu melancarkan peredaran darah dan melonggarkan sendi-sendi. Malah, dengan menyentuh tapak kaki seseorang, Khasim mampu mengetahui sama ada seseorang itu kencing lawas atau sebaliknya dan mengalami sembelit ataupun tidak. Namun, bukan penyakit dihidapi.

Berkongsi pengalamannya, Khasim yang sebelum ini pernah berkhidmat sebagai pengimpal, penjual buah dan penjual besi buruk menyatakan bahawa keyakinan beliau untuk terus mendalami bidang tersebut adalah kerana ‘berjaya’ menyembuhkan bapa mertuanya.

“Bapa mertua lumpuh separuh badan kiri akibat serangan strok, selepas urut dua jam, dia boleh genggam dan angkat tangan.




**KHASIM Abdullah.**

“Dari sana, terbukti dan saya yakin yang saya boleh urut,” jelasnya sambil menasihatkan supaya elakkan diet pemakanan makanan berminyak, daging merah dan kulit ayam.

Di samping kemahiran mengurut, Khasim juga merupakan tukang gunting rambut. Beliau telah berkecimpung dalam bidang tersebut kira-kira 30 tahun sebelum ini.

“Kemahiran ini (gunting rambut), saya belajar dengan tukang gunting berketurunan Hindu di Seberang Perai.

“Selepas habis waktu sekolah, saya akan ke kedai gunting *Uncle* tuh untuk tengok dia potong rambut. Hari-hari saya ke sana, sehinggakan pada suatu hari, dia bagi pisau lama dan minta saya pergi dapatkan sebiji tembikai.

“Apabila dapat tembikai, saya bagi *Uncle,* dia sapukan sabun cukur di atas permukaan dan minta saya cukur tanpa ada sebarang luka.

“Saya tak reti. Habis tembikai itu ditoreh. Melihat keadaan tembikai saya, *Uncle* terus menyindir dengan menyatakan bahawa, kalau tembikai itu kepala orang, orang itu sudah jadi teruk!” ujarnya tersenyum.

Tanpa rasa putus asa, setiap hari, Khasim berulang-alik ke kedai gunting tersebut dan ‘berlatih’ dengan tembikai sebagaimana diarahkan.

Kira-kira dalam tempoh sebulan, barulah beliau dapat menguasai kemahiran tersebut yang mana kini menjadi salah satu sumber rezekinya selain mengurut.

Sebagai perancangan masa depan, Khasim tidak menafikan bahawa beliau menyimpan cita-cita untuk memperbesarkan prospek perkhidmatan serta perniagaan mengguntingnya.

Malah, beliau kini juga dalam proses memahiri teknik mengurut tapak tangan.

Uniknya, selepas tamat sesi mengurat, setiap pesakit adalah diwajibkan minum ‘air kosong’ yang turut disediakan beliau.

“Minum air mesti lebih. Kira-kira empat liter sehari untuk buang yang kotor. Malah, tidur juga perlu lena. Walaupun sejam, tapi lena sudah dikira cukup,” nasihat beliau.

Bagi golongan wanita, sebelum memulakan proses mengurut, Khasim akan bertanyakan terlebih dahulu sama ada ‘datang kotor’ (haid) ataupun tidak. Ini adalah bagi memastikan beliau tidak ‘mengacau’ peranakan seseorang yang dalam tempoh haid.

Sebelum mengakhiri sesi temubual berkenaan, dengan ringkas, Khasim menyatakan, “Yang Allah bagi, kita usaha sahaja”.



**PEGAWAI Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad mendapatkan perkhidmatan refleksiologi kaki.**

**INFO :**
**012 - 401 7410**
**Emel :**
**khasim_a@yahoo.com**
**Waktu mengurut :**
**8 pagi - 11 pagi ; 8 malam - 11 malam**
**Gunting rambut :**
**Tengah hari**

# Jangan kedekut kongsi kejayaan - Faizah Shirad



FAIZAH Shirad.

**PADA** 12 tahun dulu, kawasan pesisiran pantai Teluk Tempoyak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung di sini adalah belukar, tempat pembiakan habitat berbisa.

Selepas berkunjung ke sini, Faizah Shirad, 51, memasang tekad untuk memajukan sebuah restoran makanan laut segar, berbekalkan sedikit modal daripada suami.

"Saya sendiri jual rumah di Pulau Langkawi dan suami kebetulan baru dapat duit pencen sebagai pesara tentera pun keluarkan sedikit duit untuk modal memajukan kawasan ini," ujarnya semasa diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Menurut Faizah, Kedudukan kawasan tersebut yang jauh daripada perhatian umum antara cabaran awal semasa membuka Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak.

Kedua, katanya, orang awam anggap kawasan ini berbahaya, susulan tragedi tsumami semasa itu.

Ketiga, katanya, tempat ini pernah hampir tutup disebabkan tindakan pihak tertentu, tetapi, telahpun hampir diselesaikan oleh Kerajaan Negeri hari ini.

"Kedudukannya di sebalik bukit serta dekat dengan pantai, ramai takut tsunami, tetapi, kawasan ini memang tak pernah dilanda bencana.

"Lama-kelamaan, perniagaan di sini semakin baik dan nampak hasil berkat daripada kesabaran, terutama selepas beberapa rancangan televisyen seperti Jalan-Jalan Cari Makan, Tiga Hari Dua Malam, Jelajah Utara, Kuali Oh Kuali, Periuk Brunei Kuali Malaysia mempromosi keistimewaan resepi di restoran ini," kata beliau di sini.

Kini, Faizah memberitahu, Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak menjadi salah satu destinasi pelancongan makanan laut pilihan di negeri terutama pada musim cuti sekolah serta cuti hujung minggu.

"Resepi berasaskan makanan laut, antara menu yang paling laris adalah 'Rasa Sayang', ketam lembut masak tepung, telur sotong, 'Idaman Masalla'.

"Kebanyakan menu istimewa ini adalah resepi tradisi turun temurun, ada juga beberapa resepi lain dicipta di sini ditawarkan dengan mutu dan harga berbaloi," katanya sambil melahirkan rasa syukur kepada Ilahi.

Faizah anak jati Sungai Bakap dekat Seberang Perai Selatan (SPS), bersalam jodoh dengan segan orang Pulau Langkawi, Hassan Isa, 52.




RUPA bentuk Restoran D'Seafood Paradise Telok Tempoyak. *(Gambar : Sumber internet).*



SEMBILANG Masak Selasihku Sayang.



SOTONG Goreng Tepung.



KETAM Cili.

Mereka dikurniakan tiga cahaya mata, umur antara 26 tahun hingga 22.

"Saya sentiasa cari redha Allah tak kira dalam apa juga kerja buat saya," menjadi prinsip hidup Faizah.

Beliau merupakan aktivis badan bukan kerajaan (NGO) Islamis, iaitu Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM).

**KEMASYARAKATAN**

Walaupun dihambat pelbagai tanggungjawab perniagaan, Faizah berkata, tanggungjawab kepada masyarakat tidak pernah diabaikan.

Tahu tidak tahu, beliau ada membina rumah perlindungan remaja wanita di negeri ini, menggunakan sebahagian keuntungan niaga.

"Hasil perniagaan di sini, antaranya diperuntukan untuk 'wakaf sementara' Rumah Perlindungan Remaja Wanita Raudatussakinah dekat Sungai Bakap," ujarnya.

Faizah berkata, beliau turut mencuri masa untuk mengadakan kelas mengaji al-Quran serta mengaji agama di beberapa kawasan secara berkala.

"Sibuk, memang sibuk. Tetapi, ini amal jariah untuk bekalan kita bertemu Allah nanti," jelas beliau.

Selain itu, katanya lagi, lebih 250 pelatih daripada pelbagai institusi kulinari pernah mendapat latihan di Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak serta berjaya kini.

"Bagi yang kurang berjaya dalam bidang akademik, ini macam projek *'apprentice'* kepada mereka mencuba dalam bidang peniagaan.

"Hasil didikan kita di sini, terima mereka yang ada asas chef, ada yang telahpun bekerja di luar negara dengan gaji yang lumayan, salah satu di Ireland," tambah Faizah.

Tambah beliau, Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak pernah menjadi panel kepada institusi pengajian tinggi, seperti Institusi Teknologi Kolej Anjung Utara (ITKAU).

Penuntut Jurusan kulinari daripada Kolej Komuniti, Giat Mara serta mereka yang mengikuti kursus intensif di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), FELDA dan sebagainya turut membuat latihan industri di sini.



FAIZAH Shirad (duduk, dua dari kiri) merakam gambar kenang-kenangan dengan Kelab Bekas Pemain Bola Sepak Pulau Pinang Lepasan Sekolah Menengah Guar Perahu yang dirasmikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (duduk, empat dari kanan) baru-baru ini.

Tidak cukup dengan itu, katanya, tentera yang bakal bersara turut memilih Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak sebagai tempat untuk melengkapkan kursus peralihan, melalui Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT).

"Mereka yang berkursus di sini akan diberi elaun RM500, tempat tinggal, pakaian seragam, makan dan minum serta kebajikan berwajib," jelas beliau.

Faizah berkata, kunjungan pelancong baik warganegara atau asing yang tidak putus-putus mungkin salah satu sebab Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak menjadi pilihan kepada mereka yang mahu mengembangkan bakat dalam bidang perniagaan dan kulinari.

**CITA-CITA**

Faizah berkata, beliau bercita-cita meneroka industri pelancongan makanan yang kian disebut-sebut oleh Kerajaan Negeri hari ini, berasaskan pengalaman berniaga Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak.

"Saya namakan restoran ini sebagai Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak kerana memang saya nak jadikan Pulau Mutiara (Pulau Pinang) ini sebagai 'syurga makanan laut'.

"Kalau boleh, saya nak jadikan tempat ini sebagai 'syurga makanan laut', biar pelancong nak ke Pulau Pinang bertandang ke sini, ataupun mereka nak ke Restoran D'Seafood Paradise Teluk Tempoyak kerana mereka tahu Pulau Pinang adalah destinasi pelancongan makanan laut pilihan di rantau ini," serunya.

Tambah Faizah, pihaknya turut berhasrat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri atau mana-mana pengusaha baru untuk memulakan perniagaan seumpama ini.

"Ada orang tanya, tak risaukah apabila resepi di sini habis dipelajari orang lain, selalu saya kata, rezeki telah Allah tentukan, ilmu pun asalnya hak Allah.

"Semakin kita tidak kedekut untuk berkongsi kejayaan, semakin berkat kejayaan kita," katanya sambil tersenyum.

# MPPP catat 6 kemenangan kebangsaan & antarabangsa



PATAHIYAH Ismail (tengah, bertudung) bersama-sama barisan kepimpinan MPPP dan ahli-ahli pasukan paintball (depan, berjaket biru) menunjukkan tanda bagus ekoran pencapaian cemerlang yang dicapai sepanjang tahun ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini menerima anugerah khas bagi Kategori Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan 2013 (AIPBT) Peringkat Negeri Pulau Pinang ekoran peranan proaktifnya berhubung pelaksanaan projek inisiatif pemprosesan makanan menggunakan teknologi *Bio Regen* di sini.

Menurut Yang di-Pertua (YDP) MPPP, Datuk Patahiyah Ismail, di Malaysia, MPPP telah menjadi perintis dalam penganjuran program berkaitan dengan menggunakan teknologi *eco-friendly* iaitu mesin penukaran sisa makanan menjadi baja bio cecair.

"Melalui program ini, sisa makanan yang telah dijana oleh populasi penduduk membabitkan kawasan seliaan MPPP dapat dikurangkan.

"Ia bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi, mencapai matlamat *zero waste* dengan mengurangkan jumlah penghasilan sisa makanan bermula dari peringkat sumber," ujarnya ketika mengumumkan kemenangan tersebut setelah selesai Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Pengiktirafan tersebut membolehkan MPPP menerima sijil penyertaan, plak dan wang tunai sebanyak RM3,000.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Pada majlis sama, Patahiyah turut mengumumkan lima pencapaian anugerah kategori berbeza yang turut dimenangi Majlis pada tahun ini.




PATAHIYAH Ismail menunjukkan salah satu sijil penghargaan yang dimenangi.

Antaranya, beliau memberitahu, Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat (Naib Johan), Anugerah Bandar Mampan 2013, Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan (Johan), Kempen Tandas Bersih 2014 (Johan) dan Naib Johan pada Kejohanan Paintball Piala Dunia Asia yang berlangsung di Langkawi, Kedah baru-baru ini.

"Anugerah-anugerah pencapaian ini membuktikan komitmen Majlis dalam melaksanakan agenda dan membudayakan inovasi di Pulau Pinang," ujar beliau.

# Tandas bersih mentaliti negara maju - TKM I

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Rakyat Pulau Pinang seharusnya mempunyai tahap kepedulian yang tinggi terhadap kebersihan tandas awam di negeri ini kerana mentaliti sebegitu adalah salah satu identiti warga negara-negara maju.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri amat menagih kerjasama dan bantuan rakyat di semua peringkat tanpa mengira latar belakang bangsa dan politik.

"Adalah tidak adil sekiranya kita (Kerajaan Negeri) membelanjakan wang rakyat bagi memberi kesedaran mengenai peri penting kebersihan tandas, namun, mentaliti masyarakat masih ditakuk yang sama," ujarnya di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dr. Hasnah Bibon turut hadir pada majlis disertai hampir 500 wakil daripada pelbagai badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri.

Kon Yeow sebelum itu berkata, dianggarkan lebih 40 peratus populasi penduduk dunia kurang mempunyai kemudahan tandas awam.

Kekurangan itu, jelas beliau, mengakibatkan kira-kira 2.6 bilion penduduk dunia terpaksa membuang najis secara terbuka, hingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar serta mutu air sungai semulajadi.

"Akibatnya, merebaknya penyakit berkaitan air seperti *diarrhea* (cirit-birit), kolera (taun) dan *dysentery* (sakit perut kronik) yang boleh menyebabkan risiko kematian," ujar Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) beramah-mesra dengan para pemenang tandas awam paling bersih pada Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, kira-kira 2.2 juta kanak-kanak di bawah umur lima tahun direkodkan meninggal dunia setiap tahun disebabkan wabak-wabak berkenaan.

Pada majlis sama, Mohd. Rashid diiringi Kon Yeow turut menyampaikan hadiah berupa wang tunai, sijil penyertaan serta trofi kepada pemenang tandas awam paling bersih untuk lapan kategori yang dipertandingkan.

Antaranya, Klinik Kesihatan Penaga memenangi Kategori Jabatan Kerajaan, *Harvest Time Cafe* dekat Daerah Timur Laut (Kategori Restoran), *Cafeteria A Tu Z Wedding House* (Kategori Kedai Makan), Sarinani Kiosk Ent. dekat Daerah Timur Laut (Kategori Stesen Minyak), AEON Mall Bukit Mertajam (Kategori Pusat Membeli-belah), Tandas Awam Pasar Air Itam (Kategori Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gemilang dekat Seberang Perai Utara (Kategori Sekolah Menengah) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tambun (Kategori Sekolah Rendah).

# Kenaikan fi jual arak, tiada aduan setakat ini - Exco

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kenaikan fi perkhidmatan, permit dan lesen menjual arak untuk semua kategori premis menjual arak sebanyak 100 peratus berkuatkuasa 1 Julai lalu adalah penyelarasan oleh Kementerian Kewangan mengikut Peraturan-peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) (Pindaan) 2014 di bawah Seksyen Akta Eksais 1976 (Akta 176).

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kenaikan tersebut bagaimanapun diterima baik Persatuan Peniaga Arak Pulau Pinang kemungkinan disebabkan tiada sebarang kenaikan berkaitan dilakukan berpuluh tahun sebelum ini.

"Setakat ini, pihak kita (pihak berkuasa tempatan, PBT) tidak menerima sebarang aduan ekoran kenaikan tersebut.

"Semua peniaga telah diberikan sesi penerangan dan sedia maklum berhubung perkara berkaitan," jelas beliau.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pelesenan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Azman Sirun.

Menerusi penguatkuasaan tersebut, kategori premis dikenakan kenaikan ialah lesen peniaga borong sebanyak RM90 sebulan dan lesen kedai runcit (RM70 sebulan). Bagi kategori lesen rumah awam kelas pertama ialah RM220 sebulan, kelas kedua (RM160) dan kelas ketiga (RM110).

Turut mengalami peningkatan adalah lesen rumah bir (kelas pertama, kedua dan sementara) dan lanjutan sementara waktu buka untuk rumah awam iaitu RM60 tiap sejam dan rumah bir (RM30).

Dalam pada itu, tambah Kon Yeow, terdapat 703 premis menjual arak berdaftar di sekitar negeri ini.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) ditemani Azman Sirun (kiri sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Walaupun kenaikan tersebut ditentukan Kementerian Kewangan, tetapi hasil kutipan melalui kedua-dua PBT disalurkan kepada Kerajaan Negeri.

"Kenaikan kadar 100 peratus ini akan meningkatkan jumlah kutipan sekali ganda berbanding tahun lalu (2013) iaitu sebanyak RM1.5 juta," ujar beliau.

## 50 sertai senamrobik Taman Tugu Demokrasi

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN JERMAL –** Hampir 50 komuniti setempat menyertai senamrobik zumba di Taman Tugu Demokrasi Bagan di sini baru-baru ini.

Program tajaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) itu adalah kendalian jurulatih profesional *My Shape Fitness Centre,* Aise Tan.

Difahamkan, program di sini dijalankan pada hari Sabtu, minggu ketiga tiap-tiap bulan, mulai jam 7.30 pagi hingga 8.30 pagi.

Program sama turut dilaksanakan di Taman Tugu Seberang Jaya pada Ahad minggu pertama dan minggu ke-empat di Taman Berjaya Nibong Tebal tiap-tiap bulan.

Info lanjut boleh didapati melalui *Facebook, MyShapeFitness.*



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam acara senamrobik zumba di Taman Tugu Demokrasi Bagan di sini baru-baru ini.

## Harap Taman Permata jadi contoh taman bersih & indah - YDP



MAIMUNAH Mohd. Sharif (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar dan penduduk bersempena Majlis Penutupan Latihan Eco Rangers dengan kerjasama SMKSTSSS di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM–** Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap agar taman perumahan di Taman Permata di sini dapat dijadikan contoh taman bersih dan indah kepada (taman perumahan) yang lain.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Penutupan Latihan Eco Rangers dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin (SMKSTSSS) di Dewan Taman Permata baru-baru ini.

Menurut Maimunah, penganjuran tersebut dapat mendidik generasi muda tentang betapa pentingnya amalan konsep 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle*.

"Adalah amat mustahil sekiranya masyarakat mengharapkan kepada MPSP semata-mata untuk membersih dan mengindahkan Seberang Perai memandangkan penghasilan sampah menjangkau beribu tan sehari adalah membabitkan semua pihak di sini.

"Penglibatan komuniti seperti hari ini adalah amat penting bagi memastikan alam sekitar bebas daripada bahan buangan dan juga penduduk menjalani kehidupan yang terjamin kebersihannya," katanya pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Pengetua SMKSTSSS, Jamaludin Yaacob dan Naib Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Permata, Delbeer Singh.

Penganjuran program terbabit merupakan kali kedua (bermula tahun lalu) sebagai inisiatif menggalakkan penyertaan pelajar serta penduduk taman berkaitan dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Tambah Maimunah, sebagai usaha menjadikan taman tersebut sebagai (taman perumahan) contoh dari segi kebersihan, pelajar SMKSTSSS adalah disyorkan menjadikan Taman Permata sebagai program angkat.

"Saya harap agar syor ini dapat mendidik penduduk setempat dalam penjagaan kebersihan dan secara tidak langsung mewujudkan kehidupan berorientasikan 4R supaya dapat sama-sama menjadikan Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat" ujar beliau.

# Jumlah penerima bantuan seragam sekolah Bt. Uban meningkat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **G. REVATIC**

**BATU UBAN –** Seramai 250 pelajar terpilih daripada keluarga kurang mampu menerima bantuan seragam dan kelengkapan persekolahan bagi sesi persekolahan 2015 di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Dr. T. Jayabalan ketika ditemui berkata, pelajar-pelajar berkenaan dipilih dari enam kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di Batu Uban.

"Tahun lepas (2013), kita cuma mampu beri bantuan kepada 150 pelajar sahaja, tetapi tahun ini, dengan kerjasama JKKK kita berjaya mengenalpasti 250 pelajar kurang berkemampuan untuk menerima bantuan ini.

"Diharap ia akan meringankan bebanan ibu bapa dan saya juga berharap tahun-tahun mendatang, jumlah bantuan dapat ditingkatkan lagi," katanya pada majlis ringkas penyampaian baucar masing-masing bernilai RM100 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kumari Devi, 40, yang hadir bersama tiga anaknya berasa amat lega apabila menerima bantuan tersebut.

"Terima kasih kepada YB Jaya (Jayabalan), saya syukur sangat dan lega kerana ketiga-tiga anak saya menerima bantuan ini," katanya kepada Buletin Mutiara.


PARA penerima menunjukkan baucar diterima.


DR. T. Jayabalan (depan, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama dua beradik, Jasmin Juliana Begum Jaimin (kiri) dan Imran Ali Khan Jaimin sejurus selepas Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Seragam dan Kelengkapan Persekolahan di sini baru-baru ini.

## Sertai kempen kumpul buku & majalah di Jawi

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee baru-baru ini melancarkan Kempen Pengumpulan Buku dan Majalah iaitu projek amal dalam memupuk minat membaca serta menghargai nilai bahan bacaan di sini.

Lip Chee berkata, kempen tersebut bukan sahaja mampu memupuk tabiat membaca dalam kalangan penduduk setempat, malah juga sebagai platform perkongsian ilmu melalui sumbangan bahan bacaan baru ataupun terpakai.

"Setiap buku mempunyai nilainya dan tidak patut dibuang atau dijual untuk dikitar semula.

"Oleh itu, saya ingin menggalakkan semua penduduk sekitar Jawi dan Nibong Tebal untuk sama-sama menderma bahan-bahan bacaan termasuk buku rujukan, kamus dan buku cerita dari masa ke masa sepanjang tahun," katanya pada majlis pelancaran berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut bekerjasama dalam menjayakan kempen tersebut adalah Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye dan Loh Joo Huat, Pusat Sumber Alam Sekitar Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Panchor, Pusat Sumber Alam Sekitar Kampung Jawi, Tadika Seri Comel (Nibong Tebal) dan Persatuan Buddist Nibong Tebal.

Melalui kempen itu, orang ramai boleh meninggalkan buku-buku baru atau terpakai di pusat-pusat pengumpulan buku di sekitar Jawi dan Nibong Tebal. Buku-buku itu kemudiannya akan diedarkan untuk kegunaan pusat sumber dan perpustakaan mini sini.

Orang ramai yang ingin menyertai kempen berkaitan sila ke pusat-pusat pengumpulan buku dan majalah seperti berikut:

1. Pusat Khidmat KADUN Jawi (04 - 594 1163)
2. Pusat Sumber Alam Sekitar JKKK Bukit Panchor (Ms. Tan, 012 - 566 8339)
3. Pusat Sumber Alam Sekitar Kampung Jawi (Mr. Ching, 012 - 457 1850)
4. Tadika Seri Comel Nibong Tebal (Ms. Kang, 012 - 472 8125) *Hari Sabtu, 9 pagi - 11 pagi

## Harap IWK selesai segera limpahan air kumbahan

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM –** Satu lawatan kerja membabitkan wakil Pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diadakan bagi memantau aduan penduduk Taman Jaya di sini berhubung isu limpahan air kumbahan ke dalam parit perimeter baru-baru ini.

Pembantu Khas Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Bernard Cheen Goon Hooi memberitahu, isu tersebut berlarutan sejak empat tahun lalu walaupun pihak Indah Water Konsortium (IWK) telah beberapa kali menjalankan siasatan dan kerja pembaikian di lokasi berkaitan.

"Walaupun telah dua kali kerja pembaikian dijalankan IWK sejak Oktober tahun ini, namun masalah bau busuk masih tidak dapat diselesaikan.

"Saya amat berharap agar IWK dapat mengenalpasti punca kejadian dan menyelesaikannya dengan segera demi kepentingan penduduk di kawasan ini," katanya pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.

Tambah Goon Hooi, masalah yang berlaku secara tidak langsung menjejaskan kesihatan penduduk yang terpaksa berdepan dengan masalah bau busuk.

"Masalah ini menjadi lebih teruk apabila hujan melanda kerana air sisa kumbahan akan melimpah dan menghasilkan bau busuk," tegas beliau.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MPSP, Chong Pei Pei turut meminta kerjasama penduduk untuk mengosongkan laluan belakang rumah masing-masing bagi membolehkan lori IWK melalui kawasan itu.

"Pihak IWK turut mengadu lori mereka tidak boleh melalui lorong belakang rumah penduduk untuk tujuan mencuci paip pembentung yang bermasalah.

"Diharapkan penduduk dapat memberikan kerjasama supaya masalah ini dapat diselesaikan segera. Pada masa sama, MPSP akan mengeluarkan notis kepada penduduk sebelum tindakan diambil untuk mengosongkan lorong belakang rumah masing-masing," ujar Pei Pei.


BERNARD Cheen Goon Hooi (kiri) sambil ditemani Chong Pei Pei menutup hidung ekoran tidak tahan dengan bau busuk yang dipercayai disebabkan limpahan sisa kumbahan di Taman Jaya di sini baru-baru ini.

# Tandas Pasar Awam Air Itam wakil negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**



SHUKOR Hashim (dua dari kanan) bersama-sama rakan sekerja menunjukkan sijil penghargaan dan piala dimenangi selepas menjuarai Anugerah Tandas Bersih 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Kategori PBT di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Rutin mencuci dan memantau kebersihan Tandas Pasar Awam Air Itam pada setiap 30 minit merupakan rahsia dan faktor utama ia sekali lagi memenangi Anugerah Tandas Bersih 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut merupakan tahun ketiga ia menerima pengiktirafan berkaitan. Malah, pada tahun 2012, Tandas Pasar Awam Air Itam turut memenangi tempat pertama Kategori Tandas Awam Terbaik Bagi Bahagian Pulau, Tandas Paling Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang (Naib Johan, 2012) dan Tandas Terbaik Peringkat Kebangsaan (Ketiga, 2013).

Menurut salah seorang kakitangan Majlis Perbadaran Pulau Pinang (MPPP) yang diamanahkan berhubung kerja-kerja pembersihan Tandas Pasar Awam Air Itam, Shukor Hashim, 44, tanggungjawab beliau bersama-sama 11 rakan sekerja lain adalah bermula seawal 6.30 pagi hingga 12 tengah malam mengikut syif kerja masing-masing.

"Penjagaan tandas ini pastinya mencabar kerana selain dibuka awal, ia juga terletak di lokasi pelancongan utama negeri. Jadi, kami akan cuci atau pantau keadaan tandas pada setiap 30 minit.

"Bila kita kerap pantau dan bersihkan, ianya tidak menjadi beban berbanding membiarkan tandas untuk suatu tempoh masa lama dan baru mulakan proses pembersihan," ujarnya yang berasal dari Kampung Melayu Air Itam kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hasil tinjauan mendapati, selain berbau harum, Tandas Pasar Awam Air Itam adalah selesa dan turut dihiasi dengan pelbagai tanaman pokok bagi mewujudkan suasana ceria kepada para pengguna.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Air Itam, Wong Hon Wai berkata, kemenangan tersebut adalah amat bermakna.

"Ini bermakna tandas kami berjaya mengalahkan lebih daripada 100 tandas milik PBT termasuk di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang turut mengambil bahagian."

"Sebenarnya, saya masih terkejut kerana terdapat banyak tandas baru dibina dan faktor ini semestinya menyukarkan Tandas Pasar Awam Air Itam yang berusia empat tahun untuk meraih anugerah. Namun, atas kerja keras pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), kita berjaya!

"Kemenangan ini bakal membolehkan Tandas Pasar Awam Air Itam sekali lagi mewakili Pulau Pinang ke peringkat kebangsaan bagi kategori sama," ujanya di sini.



KEADAAN Tandas Pasar Awam Air Itam.

# Turap jalan ikut keperluan, bukan hanya menjelang pilihanraya - ADUN



WONG Hon Wai (tengah) menunjukkan jalan Kampung Bukit Paya Terubong yang telah siap diturap di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM –** Hampir semua jalan masuk ke kampung-kampung membabitkan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam kini sudah diturap.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, sejumlah RM608,000 dibelanjakan bagi menurap 22 batang jalan melibatkan projek penurapan tiga fasa.

"Projek penurapan jalan-jalan kampung ini membuktikan bahawa komitmen Kerajaan Negeri dalam memberi keselesaan dan menjaga kebajikan orang-orang kampung di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) menjalankan projek penurapan sepanjang tahun mengikut keperluan dan bukannya turap setiap kali menjelang pilihanraya," katanya ketika mengadakan tinjauan ke Jalan Kampung Bukit Paya Terubong yang siap diturap dekat sini baru-baru ini.

Jelas Hon Wai, sehingga kini, fasa pertama projek melibatkan 15 batang jalan di Air Itam adalah projek penurapan semula yang menelan kos RM508,000, fasa kedua, enam batang jalan Kampung Lembah Ria (RM80,000), fasa ketiga, Jalan Kampung Bukit Paya Terubong (RM20,000).

"Tahun hadapan, kita (Kerajaan Negeri) akan menurap beberapa batang jalan di sekitar Kampung Shaik Madar pula dan beriltizam untuk menambahbaik keadaan beberapa batang jalan lain di Air Itam," katanya yang juga berharap agar orang ramai menjaga sebaiknya kemudahan disediakan demi keselesaan semua pihak.



YEOH Soon Hin (barisan kedua, membongkok, kanan sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama para hadirin termasuk golongan kanak-kanak pada Majlis Jamuan Ringan Sempena Deepavali di sini baru-baru ini.

# 25 keluarga terima sumbangan Deepavali

Gambar : **SHUM JIAN WEI**



YEOH Soon Hin (kanan sekali) beramah-mesra dengan golongan kanak-kanak yang hadir.

**PAYA TERUBONG –** Seramai 25 keluarga kurang bernasib baik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Terubong menerima sumbangan sempena sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berkata, penyerahan sumbangan itu adalah bagi meringankan beban golongan berkaitan.

"Sumbangan berupa barangan keperluan asas seperti minyak masak, gula, kordial, biskut dan beras telah diadakan sejak beberapa tahun lalu kepada golongan kurang berkemampuan," katanya sejurus selepas Majlis Jamuan Ringan Sempena Deepavali dan Penyampaian Sumbangan di sini baru-baru ini.

PENANG TRADE EVENTS 2015

حلال
PIHEC2015

# Ekspo & Persidangan HALAL ANTARABANGSA KALI KE -6



**30 JAN - 1 FEB | 10 PG - 8 MLM | SPICE (PISA)**

## SEGALANYA DIBAWAH SATU ARENA

LEBIH 300 TAPAK JUALAN & PAMERAN

**MASUK PERCUMA**


EKSPO HALAL ANTARABANGSA



"WORLD CURRY FESTIVAL"



PERSIDANGAN HALAL


"PENANG HALAL CHEF CHALLENGE"


SESI PADANAN PERNIAGAAN


BENGKEL USAHAWAN

Disokong Oleh : TOURISM MALAYSIA, investPenang, Penang, HDC

Penaja : EASTIN HOTEL PENANG

Rakan Media : DagangHalal.com

Anjuran :
PIHH DEVELOPMENT SDN. BHD. (HALAL PENANG)
Level 44, KOMTAR, 10503, Penang, Malaysia
T: +604 262 5444 F: +604 263 5444
E: pihec@halalpenang.com

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA LAYARI
www.pihec.com.my